MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

Festival IDEA Putrajaya

HARI 4
DAY 4

TARIKH/ *DATE*:
7 NOVEMBER 2025

MADANI: Melakar Masa Depan, Merealisasikan Idea
MADANI: Shaping The Future, Turning Ideas Into Reality



ASEAN MALAYSIA 2025 KEterangkuman dan Kemampanan

MALAYSIA MADANI daya cipta

Visit Malaysia 2026 Truly Asia

Isi Kandungan

Table of Contents

5	MyIDEAS: Keep Malaysia Clean (KMC)
9	MyIDEAS Telaah 1: 1515 *Telaah 1: 1515*
13	MyIDEAS Telaah 2 - Palestin: Dari Sungai ke Segara *Telaah 2: Palestine: From the River to the Sea*
21	Bicara Idea Negara Bersama Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan Majlis Penutup Festival Idea Putrajaya (FOI) 2025. *National Idea Discourse* *With the Prime Minister Dato' Seri Anwar bin Ibrahim and the Closing Ceremony of Putrajaya Festival of Ideas (FOI) 2025.*
28	Global Higher Education Forum (GHEF) Forum 7 - Mengemudi Dunia yang Baharu *Global Higher Education Forum (GHEF)* *Forum 7 - Navigating the New World*
35	Higher Education Institution-Industry Summit (HEIS) Sidang Selari 1 Dari Langit ke Angkasa: Mendorong Pembangunan Aeroangkasa Malaysia Melalui Inovasi dan Bakat *Parallel Session 1* *From Skies to Space: Driving Malaysia's Aerospace Growth Through Innovation and Talent*
41	Higher Education Institution-Industry Summit (HEIS) Sidang Selari 2 Memangkin Industri Kimia Malaysia ke Arah Inovasi & Kelestarian *Parallel Session 2* *Catalysing Malaysia's Chemical Industry towards Innovation and Sustainability'*
45	Higher Education Institution-Industry Summit (HEIS) Sidang Selari 3 Perkongsian Akademik Industri untuk Inovasi Mapan dalam Penjagaan Kesihatan dan Peranti Perubatan *Parallel Session 3* *Academic-Industry Partnership for Sustainable Innovation in Healthcare and Medical Devices*
51	Higher Education Institution-Industry Summit (HEIS) Sidang Selari 4 Inovasi Sosial: Pemerkasaan Komuniti melalui Penyelesaian Teknologi yang Dicipta Bersama *Parallel Session 4* *Social Innovation: Community Empowerment through Co-Created Technological Solutions'*

SIDANG EDITORIAL - HARI KEMPAT

PELAPOR

Prof. Madya Dr. Mohd Muzamir Mahat
Dr. Wan Muhammad Shaker bin Wan Adnan
Dr. Nurul Afifah Adila binti Mohd Salleh
Dr. Rino Shafierul Azizie bin Shahrir Raghbir
Dr. Mohammad Radzi bin Manap
Dr. Hidayatullah Mohammad Ali
Dr. Nurhana Mohmad Rouyan
ChM. Dr. Sheela Chandren
Puan Noorfarida Filzah binti Mohd Sobri Paridaluddin
Encik Mohamad Yazid bin Abdul Majid
Siti Norhafiza binti Jasni
Ummi Nadrah binti Mohd Shah
Nor Aidatul Aini binti Ismadi
Nur Ika Anthasha binti Zainol Abidin
Halimah binti Jamaludin

EDITOR

Prof. Dr. Harshita Aini binti Haroon
Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah
Puan Azura binti Mohd Nor
Encik Ahmad Shakirin bin Zainal Abidin



Festival IDEA Putrajaya

MyIDEAS

Keep Malaysia Clean (KMC)

Dewan 1-5, PICC

Program *Keep Malaysia Clean* (KMC) telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 1 Oktober 2025 sebagai satu inisiatif kebangsaan untuk menerapkan budaya menolak rasuah dan memperkukuh integriti dalam kalangan rakyat Malaysia. Program ini menggalakkan gagasan bahawa kebersihan melangkaui ruang fizikal untuk merangkumi kesucian pemikiran, nilai dan tingkah laku. Pelancaran rasmi KMC Peringkat Pendidikan Tinggi telah berlangsung semasa Festival Idea Putrajaya (FOI) 2025, yang dirasmikan oleh Datuk Profesor Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi. Dalam ucapannya, beliau menekankan bahawa integriti mesti diterapkan merentasi semua peringkat pendidikan tinggi, termasuk universiti awam, politeknik, kolej komuniti, dan institusi swasta. Beliau menyeru semua Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor untuk menggerakkan agenda KMC di universiti masing-masing menggunakan pendekatan yang bersesuaian dengan konteks bagi memastikan pelajar mengamalkan nilai moral yang kukuh dan integriti.

Rangka Kerja KMC: Pendidikan, Perniagaan, Institusi dan Negara

Datin Yasmin Ahmad Merican, Pengerusi Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, telah membentangkan rangka kerja utama KMC di bawah tema 'Daripada Pendidikan Bersih kepada Kepimpinan Bersih'. Beliau menjelaskan bahawa KMC meluaskan gagasan kebersihan melangkaui domain fizikal kepada dimensi moral, sosial dan institusi.



Bersih' merangkumi nilai peribadi seperti kejujuran, amalan organisasi seperti ketelusan, dan sistem ekonomi yang didorong oleh tadbir urus yang baik. Inisiatif ini ialah satu gerakan kebangsaan untuk membina Ekosistem Ekonomi Bersih merentasi empat komponen: pendidikan, perniagaan, institusi dan negara. Melalui pendekatan Pembelajaran Berasaskan Nilai, pelajar dibimbing untuk memahami, menghayati dan mengaplikasikan integriti dalam kehidupan dan profesion masa hadapan mereka.

Beliau seterusnya menekankan bahawa walaupun setelah dua dekad usaha pembangunan integriti, Malaysia masih kekal di kedudukan pertengahan dalam Indeks Persepsi Rasuah Global. Beliau memetik kedudukan semasa Malaysia di tempat ke-57 daripada 180 negara dalam Indeks Persepsi Rasuah Global 2024, yang menunjukkan bahawa penguatkuasaan semata-mata tidak mencukupi dan nilai mesti dihayati melalui pembelajaran yang berkesan (berimpak) dan terkesan (terimpak).

Selaras dengan itu, tiga tonggak teras telah diketengahkan - Nilai Bersih, Masyarakat Bersih, dan Persekitaran Bersih; disokong oleh lima tindakan nilai: *define* (takrif), *own* (miliki), *act* (bertindak), *measure* (ukur), dan *yield* (hasil) (DOAMY) untuk menterjemahkan nilai kepada tingkah laku yang boleh diukur dan tanggungjawab sivik bersama.

Model tindakan nilai ini menyediakan rangka kerja berstruktur: mentakrifkan nilai dalam konteks peribadi, mengaplikasikannya dalam pembuatan keputusan, mengukur hasil moral dan kepercayaan, serta meraikan hasil untuk memperkukuh budaya beretika.

Pelan tindakan KMC

Datuk Profesor Emerita Dr. Asma Ismail, Naib Canselor dan Ketua Pegawai Eksekutif Universiti IMU, selaku ahli jawatankuasa PPPR, menghuraikan Pelan Tindakan KMC untuk pendidikan tinggi. Beliau menekankan bahawa nilai mesti dipupuk sejak awal bagi mencegah rasuah dan transformasi etika memerlukan anjakan pemikiran serta tingkah laku, terutamanya pada zaman disrupsi teknologi. Program ini menekankan pembelajaran berimpak dan terimpak, yang mudah diingati (visual), berasaskan pengalaman, dan inklusif bagi memastikan nilai-nilai dihayati merentasi kumpulan umur dan latar belakang. Pendekatan ini selari dengan ciri-ciri pelajar Generasi Z, yang memproses maklumat dengan pantas tetapi memerlukan penglibatan berasaskan pengalaman untuk penghayatan nilai yang mendalam.

Beliau menyeru para pensyarah untuk menjadi 'kurator ilmu' (curators of knowledge) yang mengimbangi teknologi, etika dan kebijaksanaan. Institusi pendidikan tinggi (IPT) berfungsi sebagai platform untuk menerapkan budaya ini melalui kurikulum, penyelidikan, pentadbiran dan penglibatan komuniti kampus. Pensyarah diharapkan bertindak sebagai kurator ilmu dan memimpin melalui teladan dengan menjadi suri teladan beretika. Beliau mencadangkan agar universiti mengintegrasikan nilai-nilai KMC ke dalam pengajaran, penyelidikan dan tadbir urus, sambil memupuk ekosistem kampus yang dipacu nilai. Inisiatif yang dicadangkan termasuk membangunkan repositori amalan nilai bersih,



menganjurkan festival yang meraikan budaya beretika, dan mengiktiraf pencapaian dalam pelaksanaan nilai. Beliau mengakhiri ucapan dengan aspirasi agar Malaysia akan muncul sebagai peneraju dalam pendidikan berasaskan nilai dan KMC akan menjadi asas untuk negara yang progresif dan berpacukan integriti.

Dirumuskan bahawa KMC ialah satu inisiatif yang strategik dan tepat pada masanya, yang menganjakkan fokus daripada penguatkuasaan semata-mata kepada pembentukan nilai melalui pendidikan dan tadbir urus sistemik. Kejayaannya bergantung pada integrasi dasar, komitmen daripada institusi pendidikan tinggi, pemantauan bebas, dan kaedah pengukuran yang jelas.

Dapatan utama sesi

- KMC menyediakan rangka kerja holistik yang mengintegrasikan pendidikan, institusi, perniagaan dan masyarakat dalam menerapkan budaya antirasuah.
- Pendekatan pedagogi yang digunakan - visual, berasaskan pengalaman dan inklusif adalah bersesuaian untuk menarik penglibatan generasi muda dan merapatkan jurang generasi.
- Terdapat keperluan yang jelas untuk petunjuk moral yang boleh diukur dan mekanisme pemantauan yang konsisten.

Keep Malaysia Clean (KMC)

Hall 1-5, PICC

The Keep Malaysia Clean (KMC) programme was launched by the Prime Minister of Malaysia on 1 October 2025 as a national initiative to cultivate a culture of rejecting corruption and strengthening integrity among Malaysians. It promotes the idea that cleanliness extends beyond physical spaces to encompass purity of thought, values, and behaviour. The official launch for KMC in Higher Education took place during the Festival of Ideas Putrajaya (FOI) 2025, officiated by Datuk Professor Dr. Azlinda Azman, Director-General of Higher Education. In her address, she emphasised that integrity must be embedded across all levels of higher education, including public universities, polytechnics, community colleges, and private institutions. She urged all Deputy Vice-Chancellors to mobilise the KMC agenda within their respective universities using context-appropriate approaches to ensure students practise strong moral values and integrity.

KMC Framework: Education, Business, Institutions and Nation

Datin Yasmin Ahmad Merican, Chair of the Consultative and Corruption Prevention Panel (PPPR) of the Malaysian Anti-Corruption Commission, presented the main framework of KMC under the theme "From Clean Education to Clean Leadership." She explained that KMC expands the notion of cleanliness beyond the physical domain into moral, social, and institutional dimensions.



"Clean" encompasses personal values such as honesty, organisational practices such as transparency, and economic systems driven by good governance. The initiative is a national movement to build a Clean Economy Ecosystem across four components: Education, Business, Institutions, and Nation. Through a Value-Based Learning approach, students are guided to understand, appreciate, and apply integrity in their lives and future professions.

She further emphasised that despite two decades of integrity development efforts, Malaysia remains only mid-ranked in the Global Corruption Perception Index, citing Malaysia's current position of 57 out of 180 countries in the Global Corruption Perception Index 2024 demonstrating that enforcement alone is insufficient and values must be internalised through impactful and impacted learning.

In line of this, three core pillars were then highlighted - Clean Values, Clean Society, and Clean Environment; supported by five value actions: define, own, act, measure, and yield (DOAMY) to translate values into measurable behaviour and shared civic responsibility. This value action model provides a structured framework: defining values in personal context, applying them in decision-making, measuring moral and trust outcomes, and celebrating results to reinforce ethical culture.

Putting KMC into Action

Datuk Professor Emerita Dr. Asma Ismail, Vice-Chancellor and CEO of IMU University, and a panel in the PPPR, elaborated on the KMC Action Plan for higher education. She emphasised that values must be nurtured early to prevent corruption and that ethical transformation requires shifts in mindset and behaviour, particularly in times of technological disruption. The programme emphasises impactful and impacted learning that is memorable (visual), experiential, and inclusive to ensure values are internalised across age groups and backgrounds. This approach aligns with the characteristics of Generation Z learners, who process information quickly but require experiential engagement for deep value internalisation.

She called on lecturers to be curators of knowledge who balance technology, ethics, and wisdom. Higher education institutions serve as platforms for cultivating this culture through curriculum, research, administration, and campus community engagement. Lecturers are expected to act as curators of knowledge and lead by example through ethical role modelling. She proposed that universities integrate KMC values into teaching, research, and governance while cultivating a value-driven campus ecosystem. Suggested initiatives include developing a repository of clean values practices, organising festivals that celebrate ethical culture, and recognising achievements in value implementation. Prof Asma expresses her conviction that Malaysia will emerge as a leader in values-internalised education and that KMC will become a foundation for a progressive and integrity-driven nation.



The session concluded with the message that KMC is a strategic and timely initiative that shifts the focus from enforcement alone to shaping values through education and systemic governance. Its success depends on policy integration, commitment from higher education institutions, independent monitoring, and clear measurement methods.

Key takeaways of the session

- KMC provides a holistic framework that integrates education, institutions, businesses, and society in cultivating an anti-corruption culture.
- The pedagogical approaches used - visual, experiential, and inclusive are appropriate for engaging younger generations and bridging generational gaps.
- There is a clear need for measurable moral indicators and consistent monitoring mechanisms.



Dewan 10, PICC

Sesi Telaah 1 yang berlangsung di Dewan 10, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) merupakan salah satu komponen utama dalam Festival of Idea (FOI) 2025. Sesi ini menampilkan perbincangan mengenai novel *1515* karya Faisal Tehrani, dengan Tuan Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar bertindak sebagai moderator. Turut hadir ialah pengarang sendiri, Dr. Mohd Faizal Musa, selaku panel utama sesi.

Sesi ini menghimpunkan para penyelidik, ahli akademik, mahasiswa dan pencinta sastera yang berminat meneliti pemikiran, wacana sejarah dan naratif identiti Melayu yang diketengahkan dalam novel tersebut. Program dimulakan dengan ucapan aluan pengerusi majlis, sebelum sesi perbincangan diserahkan kepada moderator.

Konteks dan Intipati

Moderator membuka sesi dengan menyorot kedudukan *1515* dalam lanskap kesusasteraan Melayu kontemporari. Novel ini telah melalui beberapa edisi sejak penerbitan pertamanya pada tahun 2003, disusuli edisi kedua pada fasa pandemik 2020, termasuk edisi terkini pada tahun 2025;

namun penerimaannya tidak pernah terlepas daripada polemik. Kontroversi tersebut timbul akibat kecenderungan sebahagian pembaca yang menanggap watak dan peristiwa dalam 1515 sebagai sejarah yang benar-benar berlaku, sedangkan novel ini secara jelas merupakan karya fiksyen yang mengolah sejarah alternatif, bukan rekod historiografi yang bertujuan menggantikan fakta sejarah.

Perbincangan kemudian beralih kepada intisari penceritaan. *1515* mengangkat watak seorang sejarawan kontemporari, Dr. Adi Famiyun, yang dihantui memori kolektif kejatuhan Kesultanan Melaka pada tahun 1511. Dalam usahanya menelusuri kembali sejarah lampau, beliau dipandu oleh roh pahlawan-wanita Melaka, Tun Nyemah Mulya, yang tampil bukan sekadar sebagai simbol keberanian, tetapi sebagai suara nurani bangsa. Gabungan unsur realiti dan imaginasi ini membuka gelanggang untuk menilai semula persoalan identiti, jati diri dan naratif sejarah Melayu. Pengarang menegaskan bahawa gagasan yang ingin ditekankan dalam *1515* ialah keagungan dan maruah bangsa, bukannya ideologi ketuanan.

Dalam masa yang sama, novel ini turut mencabar stereotaip dangkal terhadap kedudukan wanita Melayu, dengan menampilkan mereka sebagai pemikir, perancang dan penjaga wibawa tamadun.

Proses dan Hasil

Pengarang turut berkongsi proses kreatifnya yang berdisiplin dan teliti. Beliau lazimnya menulis pada awal pagi ketika fikiran paling jernih, menghasilkan antara 1500 hingga 5000 patah perkataan dalam satu sesi. Draf awal ditulis menggunakan tangan sebelum ditaip dan dikemas kini berulang kali. Kebiasaannya, sekurang-kurangnya lapan draf diperlukan sebelum novel dianggap mencapai bentuk yang paling tepat. Pendedahan ini memperlihatkan bahawa *1515* bukan karya yang lahir secara spontan, tetapi hasil penyelidikan yang panjang dan penyempurnaan yang rapi.

Turut disentuh ialah satu adegan yang sering mengundang salah tafsir: pertembungan wacana antara Tun Nyemah Mulya dan Tun Fatimah, tokoh yang menjadi lambang maruah istana dan bangsa. Adegan ini mengangkat persoalan kedaulatan, tanggungjawab dan kesetiaan, dan ditulis melalui pelbagai sudut pandangan untuk menzahirkan pergolakan jiwa dan konflik moral yang kompleks. Pengarang juga menjelaskan bahawa watak Nyemah Mulya pada era *1515* membawa wacana pascakolonialisme, sementara Nyemah Mulya pada zaman moden memikul wacana oksidentalisme.

Sesi disimpulkan oleh moderator dengan menyatakan bahawa pemilihan *1515* dalam rangkaian Telaah FOI menandakan satu fasa keterbukaan budaya yang lebih matang dalam wacana Malaysia hari ini. Ia memperlihatkan kesediaan masyarakat untuk membaca sejarah bukan sebagai satu suara tunggal, tetapi sebagai medan renungan yang berlapis, berwacana dan terus berkembang.



Dapatan utama sesi

- Novel *1515* ialah satu hasil fiksyen yang mengolah sejarah kontemporari yang memberikan peluang kepada pembaca untuk membuka minda dan menyelam semula suara nurani sesebuah bangsa iaitu, dalam kes ini, keagungan dan maruah.
- Proses penghasilan novel *1515* adalah bukan semberono, malah ia ialah hasil daripada proses kreatif yang berdisiplin, disokong oleh penyelidikan dan penyempurnaan penyampaian.



Telaah 1
1515

Hall 10, PICC

Session 1 of Telaah, held in Hall 10, Putrajaya International Convention Centre (PICC), was one of the main components of the Festival of Ideas (FOI) 2025. This session featured a discussion of the novel *1515* by Faisal Tehrani, with Tuan Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar acting as the moderator. Also present was the author himself, Dr. Mohd Faizal Musa, as the session's main panellist.

This session brought together researchers, academics, university students, and literature enthusiasts interested in examining the thoughts, historical discourse, and narrative of Malay identity highlighted in the novel. The program began with a welcoming speech from the master of ceremonies, before the discussion session was handed over to the moderator.

Context and Essence

The moderator opened the session by highlighting *1515*'s position in the landscape of contemporary Malay literature. The novel has gone through several editions since its first publication in 2003, followed by a second edition during the 2020 pandemic phase, and including the latest edition in 2025; yet its reception has never been free from polemics. The controversy arose from the tendency of some readers to perceive the characters and events in *1515* as actual history, whereas this novel is clearly a work of fiction that crafts an alternative history, not a historiographical record intended to replace historical facts.

The discussion then shifted to the narrative's essence. *1515* features the character of a contemporary historian, Dr. Adi Famiyun, who is haunted by the collective memory of the fall of the Malaccan Sultanate in *1511*. In his effort to trace back this past history, he is guided by the spirit of a Malaccan female warrior, Tun Nyemah Mulya, who appears not just as a symbol of courage, but as the conscience of the nation. This combination of reality and imagination opens an arena to re-evaluate questions of identity, self-worth, and the Malay historical narrative. The author emphasized that the idea he wanted to stress in *1515* is the glory and dignity of the nation, not an ideology of supremacy. At the same time, the novel also challenges shallow stereotypes regarding the position of Malay women, presenting them as thinkers, planners, and guardians of the civilization's integrity.

Process and Outcome

The author also shared his disciplined and meticulous creative process. He usually writes early in the morning when his mind is clearest, producing between 1500 and 5000 words in one session. The initial draft is handwritten before being typed and repeatedly revised. Usually, at least eight drafts are needed before the novel is considered to have reached its most precise form. This revelation shows that *1515* was not a work born spontaneously, but the result of lengthy research and careful refinement.

Also touched upon was a scene that often invites misinterpretation: the discursive clash between Tun Nyemah Mulya and Tun Fatimah, a figure who symbolizes the dignity of the palace and the nation. This scene raises questions of sovereignty, responsibility, and loyalty, and was written from multiple perspectives to express complex inner turmoil and moral conflict. The author also explained that the character of Nyemah Mulya in the *1515* era carries a post-colonialism discourse, while the modern-day Nyemah Mulya bears an occidentalism discourse.

The session was concluded by the moderator, who stated that the selection of *1515* in the FOI Review series signifies a more mature phase of cultural openness in today's Malaysian discourse. It demonstrates the public's readiness to read history not as a single voice, but as a multi-layered, discursive, and evolving field of reflection.



Key takeaways of the session

- The novel *1515* is a work of fiction that crafts contemporary history, providing an opportunity for readers to open their minds and delve back into the nation's conscience, namely its glory and dignity.
- The production process of the novel *1515* was not haphazard; rather, it was the result of a disciplined creative process, supported by research and refinement of its delivery.



Telaah 2
Palestin: Dari Sungai ke Segara

Dewan 10, PICC

Sesi Telaah 2 yang berlangsung di Dewan 10, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) merupakan satu daripada aktiviti dalam Festival of Ideas (FOI) 2025. Sesi ini dikendalikan oleh Tuan Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar sebagai moderator dan ditemani dua penelaah iaitu Dr Hj. Hafidzi Mohd Noor dan Dr. Mohd Ghazali Taib. Sesi ini telah membincangkan kandungan buku 'Palestin: Dari Sungai ke Segara' dan seterusnya mengupas dan membincangkan isu Palestin dan tanggungjawab masyarakat dalam memahami naratif isu ini.

Acara ini dihadiri oleh para penyelidik, pendidik dan pelajar pelbagai peringkat dalam usaha menghayati dan memahami isu Palestin ini. Sesi Telaah 2 ini dimulai dengan ucapan aluan pengerusi majlis kemudian diserahkan kepada moderator sesi telaah.

Moderator forum menyentuh tentang perhatian yang harus diberikan oleh dunia dalam membantu Palestin keluar dari kehancuran di tanahnya sendiri. Tuan moderator juga acapkali menyedarkan dunia bahawa orang Islam atau negara Islam yang jumlahnya ramai dan banyak seharusnya dari dahulu lagi bertindak dalam menyelesaikan kemelut tanah Palestin.

Bermula dengan penelaah pertama, Dr. Hj. Hafidzi Mohd Noor telah membawa tiga sudut berbeza: kepentingan memahami isu sebenar Palestin, bahaya media sosial dalam menanam fahaman konflik Israel-Palestin dan perjuangan membantu Palestin.

Pentingnya memahami isu Palestin dengan betul

Memahami isu Palestin dengan betul dan berasaskan fakta sangat penting kerana ia membolehkan kita menilai situasi secara adil tanpa dipengaruhi propaganda mana-mana pihak. Tanpa pengetahuan yang jelas mengenai latar sejarah, perjanjian-perjanjian antarabangsa yang dilanggar, serta perkembangan politik yang berlaku, masyarakat mudah terkeliru dengan naratif yang bias. Maka, kefahaman yang tepat membantu kita untuk melihat perjuangan rakyat Palestin sebagai usaha mempertahankan hak dan identiti mereka, bukan sebagai tindakan keganasan seperti yang sering digambarkan oleh sesetengah media.

Selain itu, memahami isu Palestin secara tepat mendorong kita untuk mengambil tindakan yang lebih bermakna dan bertanggungjawab, sama ada melalui pendidikan, advokasi, atau solidariti kemanusiaan. Apabila kita mengetahui fakta sebenar, kita dapat menyebarkan maklumat yang benar kepada orang sekeliling dan menolak penipuan atau manipulasi media yang mungkin memperlekehkan penderitaan rakyat Palestin. Pengetahuan ini juga mengajar kita nilai keadilan, empati, dan kepedulian terhadap isu global, sekali gus membentuk masyarakat yang lebih peka terhadap penindasan di mana-mana sahaja. Oleh itu, memahami isu Palestin bukan sahaja menyokong satu perjuangan, tetapi juga membentuk keperibadian yang berprinsip dan berperikemanusiaan.

Bahaya media sosial dalam menanam fahaman konflik Israel-Palestin

Media sosial memainkan peranan besar dalam membentuk persepsi dan pendirian pengguna terhadap konflik Israel–Palestin, namun ia juga membawa risiko penyebaran maklumat tidak tepat dan serta naratif berat sebelah. Dalam suasana konflik yang penuh emosi, kandungan sering disampaikan secara sensasi untuk meraih tontonan, like, dan perkongsian, bukannya berdasarkan fakta. Akibatnya, pengguna mudah terpengaruh dengan mesej yang diolah untuk kepentingan pihak tertentu, termasuk agenda politik, ideologi, atau strategi mempengaruhi persepsi awam.

Dalam konteks konflik Israel–Palestin yang amat kompleks dan panjang sejarahnya, keadaan ini bukan sahaja boleh menyelewengkan fakta, malah boleh menyebabkan polarisasi masyarakat, salah faham antara kaum atau agama, serta mengundang tindakan ekstrem seperti kebencian. Oleh itu, penting untuk orang umum menyemak sumber maklumat, dan sentiasa menilai konteks sebelum mempercayai atau menyebarkan sebarang kandungan berkaitan konflik ini.

Perjuangan membantu Palestin

Berjuang membantu Palestin ialah usaha mempertahankan hak kemanusiaan, keadilan dan maruah sebuah bangsa yang dizalimi. Palestin telah berdekad-dekad menghadapi penjajahan, kehilangan tanah, sekatan kemanusiaan, serta kekejaman terhadap penduduk awam. Maka, perjuangan ini menuntut kesedaran bahawa isu Palestin bukan isu agama semata-mata, tetapi isu kemanusiaan global yang memerlukan suara, tindakan dan sokongan yang berterusan daripada masyarakat dunia. Membantu Palestin boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk. Perjuangan ini bukan hanya untuk Palestin, tetapi untuk menegakkan prinsip bahawa setiap manusia berhak hidup dengan bebas, aman dan bermaruah.

Penelaah kedua, Dr. Mohd Ghazali Taib pula membawa tiga tiga naratif yang sepadan, iaitu Palestin dari perspektif pendidikan, memahami naratif Palestin dalam usaha bertindak dan isu Palestin sebagai isu kemanusiaan.

Lihat Palestin daripada sudut pendidikan, bukan sekadar satu peristiwa

Isu Palestin bukan sekadar rentetan tragedi yang terpampang di media, tetapi sebuah realiti sejarah, hak asasi, dan kemanusiaan yang perlu difahami dengan mendalam. Menjadikannya sekadar satu peristiwa yang viral atau topik hangat sementara membawa risiko salah faham dan penyederhanaan berlebihan. Dari sudut pendidikan, Palestin perlu dilihat sebagai peluang untuk memperkaya kefahaman kita mengenai geopolitik, dan perjuangan menuntut keadilan. Apabila kita memahami konteks sejarah penjajahan, penindasan, perjanjian antarabangsa, serta usaha diplomasi yang gagal, kita menyedari bahawa isu ini bukan konflik dua pihak, tetapi ketidakadilan struktural yang berlaku sekian lama.



Dalam ruang pendidikan, perbincangan mengenai Palestin melatih pelajar untuk berfikir secara kritikal, menilai maklumat daripada pelbagai sumber, dan mengasah sensitiviti kemanusiaan. Ia mengajar bahawa ilmu bukan sekadar hafalan, tetapi alat untuk memahami realiti dan memperjuangkan kebenaran. Palestin mengingatkan kita bahawa dunia pendidikan yang sejati tidak bersifat neutral terhadap ketidakadilan. Oleh itu, mengangkat Palestin dalam wacana akademik, sosial dan budaya bukan bertujuan menghasut, tetapi menumbuhkan empati, menguatkan kesedaran sivik, dan memupuk keberanian moral untuk menyatakan yang benar walaupun sukar. Dengan cara ini, Palestin bukan sekadar isu semasa tetapi pedoman membina manusia yang berprinsip dan bermaruah.

Memahami naratif Palestin dalam usaha bertindak

Memahami naratif Palestin bukan sekadar mengetahui fakta sejarah, tetapi ia berkait rapat dengan kemampuan kita menilai keadilan, empati, serta tindakan yang efektif dalam membantu. Naratif Palestin telah lama dibentuk, ditafsir dan diselewengkan oleh pelbagai pihak, terutama melalui media arus perdana dan propaganda geopolitik. Oleh itu, memahami naratif sebenar Palestin menjadi asas penting agar kita tidak hanya menjadi penyokong yang emosi, tetapi pendokong yang berprinsip dan berpengetahuan.

Pelbagai pertembungan naratif berlaku berkaitan Palestin yang akan menyebabkan salah faham orang ramai. Pembohongan yang berleluasa menyeru kita agar menyaring dan memahami naratif Palestin dengan sebenarnya.

Palestin ialah isu kemanusiaan

Palestin ialah isu kemanusiaan, bukan sekadar isu politik atau agama semata-mata. Isu Palestin melibatkan hak asas manusia untuk hidup dengan aman, memiliki tanah sendiri, mendapat perlindungan undang-undang, dan bebas daripada penindasan. Apabila rumah dirobohkan, hospital diserang, kanak-kanak kehilangan keluarga, serta rakyat disekat daripada makanan dan ubat-ubatan itu adalah pelanggaran hak asasi yang jelas. Maka, sesiapa yang peduli tentang kemanusiaan dan keadilan, tanpa mengira agama atau bangsa, akan melihat Palestin sebagai satu perjuangan untuk membela mereka yang tertindas.

Lebih penting, memahami Palestin sebagai isu kemanusiaan membantu kita mengelakkan naratif sempit yang memecahbelahkan. Ia mengajak kita bersikap empati, menolak keganasan terhadap orang awam, dan menegakkan hak sejagat: bahawa setiap manusia berhak kepada keselamatan, maruah, dan kebebasan.

Kesimpulannya, sesi Telaah 2 ini telah membedah buku Palestin: dari Sungai ke Segara yang menonjolkan alur penceritaan tentang sejarah Palestin dan sitausi yang berlaku di bumi berdarah itu. Rumusan daripada buku ini, Palestin harus dilihat sebagai satu tanggungjawab sejagat dalam mengeluarkannya dari cengkaman Israel. Solidariti terhadap Palestin harus berterusan tanpa mengira bangsa, agama dan negara.

Dapatan utama sesi

- Kefahaman yang tepat berasaskan fakta mengenai isu Palestin adalah mustahak untuk membolehkan masyarakat menilai situasi secara adil tanpa terpengaruh dengan propaganda, seterusnya menyedari bahawa ia adalah perjuangan mempertahankan hak, bukan tindakan keganasan.
- Isu Palestin perlu dilihat daripada sudut pendidikan yang mendalam—merangkumi sejarah, geopolitik, dan ketidakadilan struktural—dan tidak boleh dianggap sekadar satu peristiwa tular, kerana pendidikan melatih masyarakat berfikir secara kritikal dan mengasah sensitiviti kemanusiaan.



Telaah 2
Palestin: Dari Sungai ke Segara

Hall 10, PICC

The *Telaah* Session 2, which took place in Hall 10, Putrajaya International Convention Centre (PICC), was one of the activities during the Festival of Ideas (FOI) 2025. This session was handled by Tuan Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar as the moderator and was accompanied by two reviewers, Dr Hj. Hafidzi Mohd Noor and Dr. Mohd Ghazali Taib. The session discussed the contents of the book "Palestine: From the River to the Sea' and subsequently analyzed and discussed the Palestinian issue and the community's responsibility in understanding its narrative.

The event was attended by researchers, educators, and students of various levels in an effort to appreciate and understand the Palestinian issue. *Telaah* Session 2 began with a welcoming speech by the master of ceremonies, who then handed it over to the review session moderator.

The forum moderator frequently mentioned the attention the world must give to helping Palestine emerge from the destruction in its own land. The moderator also often reminded the world that Muslims or Muslim countries, which are numerous in number, should have acted long ago to resolve the crisis in the land of Palestine. Starting with the first reviewer, Dr. Hj. Hafidzi Mohd Noor brought three different perspectives: The importance of a correct understanding of the Palestine issue, the dangers of social media in instilling views on the Israeli-Palestinian conflict and the struggle to aid Palestine.

The Importance of understanding the Palestine issue correctly

Understanding the Palestinian issue correctly and based on facts is very important as it allows us to assess the situation fairly without being influenced by any party's propaganda. Without clear knowledge of the historical background, the international agreements that were violated, and the political developments that occurred, the public is easily confused by biased narratives. Thus, a precise understanding helps us to see the Palestinian people's struggle as an effort to defend their rights and identity, not as acts of terrorism as often portrayed by some media.

Furthermore, understanding the Palestinian issue accurately encourages us to take more meaningful and responsible actions, whether through education, advocacy, or humanitarian solidarity. When we know the real facts, we can disseminate true information to those around us and reject deception or media manipulation that might belittle the suffering of the Palestinian people. This knowledge also teaches us the values of justice, empathy, and concern for global issues, thereby shaping a society that is more sensitive to oppression everywhere. Therefore, understanding the Palestinian issue not only supports a struggle but also builds a principled and humane character.

The dangers of social media in instilling views on the Israeli-Palestinian conflict

Social media plays a significant role in shaping users' perceptions and stances on the Israeli-Palestinian conflict, but it also carries the risk of spreading inaccurate information and one-sided narratives. In an emotionally charged conflict atmosphere, content is often delivered sensationally to gain views, likes, and shares, rather than based on facts. As a result, users are easily influenced by messages crafted for the interests of specific parties, including political agendas, ideologies, or strategies to influence public perception.

In the context of the highly complex and long-standing Israeli-Palestinian conflict, this situation can not only distort facts but also cause societal polarization, misunderstandings between races or religions, and invite extreme actions such as hatred. Therefore, it is important for the general public to check information sources and always assess the context before believing or spreading any content related to this conflict.

The struggle to aid Palestine

The Palestine struggle is an effort to defend the human rights, justice, and dignity of an oppressed nation. Palestine has for decades faced colonization, loss of land, humanitarian blockades, and atrocities against its civilian population. Thus, this struggle demands an awareness that the Palestinian issue is not merely a religious issue, but a global humanitarian issue that requires a continuous voice, action, and support from the world community. Helping Palestine can be done in various forms. This struggle is not just for Palestine, but to uphold the principle that every human being has the right to live freely, peacefully, and with dignity.

The second reviewer, Dr. Mohd Ghazali Taib, in turn, presents three corresponding narratives: to see Palestine from an educational perspective, understanding the Palestinian narrative in an effort to act, and Palestine as a humanitarian issue.

See Palestine from an educational perspective, not just as an event

The Palestinian issue is not just a series of tragedies displayed in the media, but a historical, human rights, and humanitarian reality that needs to be understood deeply. Treating it as merely a viral event or a temporary hot topic carries the risk of misunderstanding and oversimplification. From an educational perspective, Palestine should be seen as an opportunity to enrich our understanding of geopolitics and the struggle for justice. When we understand the historical context of colonization, oppression, international agreements, and failed diplomatic efforts, we realize that this issue is not a two-sided conflict, but a structural injustice that has been happening for a long time.



In the educational space, discussing Palestine trains students to think critically, evaluate information from various sources, and sharpen their humanitarian sensitivity. It teaches that knowledge is not just memorization, but a tool to understand reality and fight for truth. Palestine reminds us that the world of true education is not neutral towards injustice.

Therefore, raising Palestine in academic, social, and cultural discourse is not intended to incite, but to cultivate empathy, strengthen civic awareness, and foster the moral courage to state the truth even when it is difficult. In this way, Palestine is not just a current issue but a guide to building principled and dignified human beings.

Understanding the Palestinian narrative in an effort to act

Understanding the Palestinian narrative is not just about knowing historical facts, but it is closely related to our ability to assess justice, empathy, and effective actions to help. The Palestinian narrative has long been shaped, interpreted, and distorted by various parties, especially through mainstream media and geopolitical propaganda. Therefore, understanding the true Palestinian narrative becomes a crucial foundation so that we are not just emotional supporters, but principled and knowledgeable advocates.

Various clashes of narratives occur regarding Palestine, which will cause public misunderstanding. The widespread falsehoods call on us to filter and understand the Palestinian narrative truthfully.

Palestine is a humanitarian issue

Palestine is a humanitarian issue, not just a political or religious issue. The Palestinian issue involves the basic human right to live in peace, own one's own land, receive legal protection, and be free from oppression. When homes are demolished, hospitals are attacked, children lose their families, and citizens are blocked from food and medicine—that is a clear violation of fundamental rights. Thus, anyone who cares about humanity and justice, regardless of religion or race, will see Palestine as a struggle to defend the oppressed.

More importantly, understanding Palestine as a humanitarian issue helps us avoid narrow narratives that divide. It invites us to be empathetic, to reject violence against civilians, and to uphold the universal right: that every human being deserves safety, dignity, and freedom.

In conclusion, this Telaah Session 2 dissected the book 'Palestine: From the River to the Sea', which highlights the storyline of Palestine's history and the situation occurring in that bleeding land. The summary from this book is that Palestine must be seen as a universal responsibility to liberate it from Israel's grip. Solidarity with Palestine must be continuous, regardless of race, religion, or nation.

Key takeaways of the session

- A precise, fact-based understanding of the Palestinian issue is essential to enable the public to assess the situation fairly without being influenced by propaganda, and subsequently to realize that it is a struggle to defend rights, not an act of terrorism.
- The Palestinian issue needs to be viewed from a deep educational perspective—encompassing history, geopolitics, and structural injustice—and should not be treated as merely a viral event, because education trains society to think critically and sharpen humanitarian sensitivity.

Bicara Idea Negara

Bersama Perdana Menteri Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim dan Majlis Penutup Festival Idea Putrajaya (FOI) 2025.

Dewan Perdana, PICC



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa penguasaan ilmu, pembentukan karakter berakhlak dan kemampuan mengemukakan idea bernilai merupakan asas penting dalam membina Malaysia sebagai sebuah negara yang maju, bermaruah dan berdaya saing di peringkat global.

Berucap pada Majlis Penutupan Festival Idea Putrajaya (FOI) 2025, beliau menyatakan bahawa pendidikan tidak boleh dilihat hanya sebagai proses melahirkan tenaga kerja, tetapi sebagai usaha membangunkan insan yang merdeka pemikirannya, matang dalam pertimbangan dan berani menyuarakan pandangan secara tertib dan beradab.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh barisan pimpinan tertinggi negara termasuk Menteri Pendidikan Tinggi, Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir; Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek; Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Seri Dr. Zaleha Mustafa; Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Ts. Mustapa Sakmud; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Dr. Zulkifli Hasan serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar. Turut hadir ialah Naib-naib Canselor dan Rektor universiti awam, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan, perwakilan industri, serta lebih 300,000 mahasiswa dan pengunjung dari seluruh negara yang hadir sepanjang penganjuran festival empat hari tersebut.

Kejayaan Penganjuran Festival Idea Putrajaya 2025

Dalam ucapan pembukaannya, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir mengumumkan bahawa Festival Idea Putrajaya (FOI) 2025 telah menerima pengiktirafan *Malaysia Book of Records* sebagai *"Most Academic Discourse Sessions in an Innovation Ideas Event"*.





Pengiktirafan tersebut diberikan selepas festival ini berjaya menganjurkan 127 sesi wacana ilmiah dan dialog idea, menjadikannya salah satu program pemikiran terbesar pernah dianjurkan di Malaysia. Selain pencapaian tersebut, FOI 2025 turut mencatat beberapa kejayaan utama termasuk lebih 300,000 peserta hadir sepanjang empat hari, menampilkan penglibatan rakyat yang tinggi terhadap diskusi masa depan negara dan lebih 10,000 idea inovatif dihimpunkan daripada peserta, mahasiswa, komuniti profesional, dan agensi. Selain itu, 120 sesi program dan forum tematik dilaksanakan merangkumi pendidikan, teknologi, ekonomi, governans, kelestarian dan pembangunan belia dan 200 buah pavilion dan ruang pameran dibuka menampilkan penyelidikan, inovasi dan kolaborasi strategik. Hasilnya, 100 Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) dimeterai dengan nilai kerjasama dianggarkan mencecah RM160 juta, melibatkan universiti, kementerian, agensi industri dan jaringan antarabangsa.

Berilmu, Beretika dan Berakhlak

Dato' Seri Anwar dalam ucapannya menegaskan bahawa kejayaan festival ini menunjukkan Malaysia masih mempunyai kekuatan intelektual dan kreativiti yang subur dalam kalangan rakyat, khususnya golongan muda. Namun, beliau mengingatkan bahawa penguasaan ilmu perlu disertai nilai etika dan akhlak bagi memastikan idea yang dilahirkan memberi manfaat kepada masyarakat.

"Kebebasan berfikir dan bersuara tidak boleh dijadikan alasan untuk menghina, memecah belah atau menanam kebencian. Idea yang baik ialah idea yang membina, memuliakan manusia, dan mendukung keadilan," ujar beliau.

Perdana Menteri turut menekankan komitmen kerajaan untuk terus membanteras rasuah dan ketirisan, dengan penjimatan bernilai lebih RM15.5 bilion dalam tempoh dua tahun hasil tindakan tegas terhadap penyeludupan dan kegiatan tidak beretika.

Beliau juga menekankan usaha memperluas akses pendidikan kepada golongan kurang berkemampuan sebagai strategi penting meningkatkan mobiliti sosial rakyat. “Tiada anak Malaysia yang harus ketinggalan hanya kerana kemiskinan. Pendidikan ialah tangga maruah dan peluang masa depan,” tegasnya. Mengakhiri ucapannya, Perdana Menteri menyeru mahasiswa untuk menjadi agen perubahan yang membawa kemajuan kepada negara.

“Masa depan Malaysia berada di tangan kalian. Bangkitlah dengan ilmu, integriti dan keberanian,” katanya sambil disambut tepukan gemuruh hadirin. Majlis penutup tersebut menandakan permulaan kepada usaha memperluas budaya wacana ilmu dan dialog nasional ke seluruh institusi pendidikan dan masyarakat.





Dapatan Utama Sesi

- Ilmu Mesti Selari dengan Akhlak: Penguasaan ilmu adalah penting untuk negara yang berdaya saing, namun ia mesti disertai dengan nilai etika dan perwatakan berakhlak. Hal ini bagi memastikan idea yang dilahirkan digunakan secara membina untuk memberi manfaat kepada masyarakat dan mendukung keadilan, bukannya untuk menimbulkan perpecahan atau kebencian.
- Pendidikan sebagai Asas Mobiliti Sosial: Pendidikan adalah asas kepada maruah negara dan peluang masa depan. Ia merupakan strategi penting untuk meningkatkan mobiliti sosial, dan akses kepadanya mesti diperluas bagi memastikan tiada anak Malaysia yang ketinggalan disebabkan kemiskinan.

National Idea Discourse

With the Prime Minister Dato' Seri Anwar bin Ibrahim and the Closing Ceremony of Putrajaya Festival of Ideas (FOI) 2025.

Perdana Hall, PICC



Prime Minister, Datuk Seri Anwar Ibrahim emphasized that the mastery of knowledge, the formation of moral character, and the ability to present valuable ideas are essential foundations in building Malaysia as an advanced, dignified, and globally competitive nation.

Speaking at the Closing Ceremony of the Putrajaya Festival of Ideas (FOI) 2025, he stated that education should not be seen merely as a process to produce a workforce, but as an effort to develop individuals who are independent in their thinking, mature in judgement, and brave in voicing opinions politely and courteously.

The ceremony was also attended by the nation's top leadership, including the Minister of Higher Education, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir; Minister of Education, YB Fadhlina Sidek; Minister of Federal Territories, YB Datuk Seri Dr. Zaleha Mustafa; Deputy Minister of Higher Education, YB Datuk Ts. Mustapa Sakmud; Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs), YB Dr. Zulkifli Hasan; as well as the Chief Secretary to the Government, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar. Also present were the Vice-Chancellors and Rectors of public universities, Ministry Secretaries-General, Heads of Departments, industry representatives, and over 300,000 students and visitors from across the country who attended throughout the four-day festival.

The Success of the Putrajaya Festival of Ideas 2025

In his opening remarks, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir announced that the Putrajaya Festival of Ideas (FOI) 2025 had received recognition from the Malaysia Book of Records for "Most Academic Discourse Sessions in an Innovation Ideas Event".



The recognition was given after the festival successfully organized 127 academic discourse and idea dialogue sessions, making it one of the largest intellectual programmes ever organized in Malaysia.



Besides this achievement, FOI 2025 also recorded several key successes including over 300,000 participants attended over the four days, demonstrating high public engagement in discussions about the nation's future and over 10,000 innovative ideas were gathered from participants, students, professional communities, and agencies. Other than that, 120 thematic programme sessions and forums were held, covering education, technology, economy, governance, sustainability, and youth development and 200 pavilions and exhibition spaces were opened, featuring research, innovation, and strategic collaborations. As a result, 100 Memorandums of Understanding (MoU) and Memorandums of Agreement (MoA) were signed, with an estimated collaboration value reaching RM160 million, involving universities, ministries, industry agencies, and international networks.

Knowledgeable, Ethical and Virtuous

Dato' Seri Anwar in his speech stressed that the festival's success shows Malaysia still possesses fertile intellectual strength and creativity among its people, especially the youth. However, he cautioned that the mastery of knowledge must be accompanied by ethical and moral values to ensure the ideas produced benefit society.

"Freedom of thought and speech cannot be used as an excuse to insult, divide, or sow hatred. A good idea is one that builds, ennobles humanity, and upholds justice," he said.

The Prime Minister also emphasized the government's commitment to continue fighting corruption and leakages, with savings valued at over RM15.5 billion in two years resulting from firm action against smuggling and unethical activities.

He also highlighted efforts to expand educational access for the underprivileged as a key strategy to improve the people's social mobility.

“No Malaysian child should be left behind just because of poverty. Education is the ladder to dignity and future opportunities,” he stressed.

Concluding his speech, the Prime Minister called on university students to become agents of change who bring progress to the nation.

“The future of Malaysia is in your hands. Rise with knowledge, integrity, and courage,” he said, to thunderous applause from the audience.

The closing ceremony marked the beginning of an effort to expand the culture of intellectual discourse and national dialogue throughout educational institutions and society.





Key Session Takeaways

- Knowledge Must Be Paired with Morality: The mastery of knowledge is essential for a competitive nation, but it must be accompanied by ethical and moral character. This is to ensure that ideas are used constructively to benefit society and uphold justice, rather than to cause division or hatred.
- Education as a Tool for Social Mobility: Education is fundamental to national dignity and future opportunities. It is a key strategy to improve social mobility, and access to it must be expanded to ensure that no Malaysian is left behind due to poverty.

Festival IDEA Putrajaya

Global Higher Education Forum (GHEF)

Forum 7
Mengemudi Dunia yang Baharu



Dewan 1-5, PICC

Forum 7 sempena Festival of Ideas (FOI 2025) telah berlangsung di Dewan 1-5, PICC, Putrajaya, dengan tema 'Mengemudi Dunia yang Baharu'. Forum ini menampilkan tokoh-tokoh dunia ekonomi dan pendidikan yang terkemuka, antaranya Tan Sri Azman bin Hj. Mokhtar, Pengerusi, Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Profesor Geoffrey Williams, Pakar Ekonomi, Pengasas dan Pengarah Williams Business Consultancy Sdn. Bhd. dengan Datuk Wira Dr. Rais Hussin Mohamed Ariff, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif EMIR Research sebagai moderator forum. Forum ini menampilkan dua sesi utama yang membincangkan cabaran global, iaitu 'Mengemudi Kekacauan Dunia Baharu: Tiga Idea daripada Kewangan dan Ekonomi' dari perspektif ekonomi dan kewangan yang disampaikan oleh Tan Sri Azman, dan dari perspektif pendidikan tinggi dengan tajuk 'Masa Depan Pendidikan Tinggi', disampaikan oleh Profesor Geoffrey Williams.

Falsafah Teras: Rantaian Keadilan dan Tiga '-Nomics'

Tan Sri Azman Mokhtar, memulakan perbincangan dengan diagnosis mengenai simptom-simpton kekacauan dunia, termasuk konflik sosial, perpecahan geopolitik, dan konflik dengan alam sekitar, yang berpunca daripada moral yang rapuh.

Merujuk kepada Surah Ar-Rum ayat ke-41, beliau mengatakan bahawa kerosakan yang berlaku di muka bumi adalah hasil tangan manusia, namun peluang untuk bertaubat dan pemulihan sentiasa ada.

Tan Sri Azman kemudian mengetengahkan tiga teras idea daripada sektor ekonomi dan kewangan. Tiga teras idea tersebut adalah:

1. **Khaldunomics:** Berpandukan kitaran keadilan Ibnu Khaldun, menekankan bahawa kesejahteraan rakyat adalah prasyarat kepada kekuatan pemerintah. Konsep utama teras ini ialah Pembangunan Ekonomi, Kitaran Keadilan, dan Ekonomi Moral.
2. **Tayyibonomics:** Menyeru kewangan Islam untuk bergerak daripada sekadar patuh halal kepada memenuhi ciri halal dan tayyib. Sistem Halal yang sedia ada sudah syumul tetapi tidak mencukupi untuk mencapai lengkung baharu.
3. **Kancilnomics:** Strategi untuk bertahan dan maju (*survive and thrive*) dalam era kembalinya persaingan kuasa besar (*great power rivalry*). Negara perlu bijak, tangkas, dan bersatu, serta berpegang teguh pada prinsip yang betul, seperti bijaknya Sang Kancil yang kecil bertahan dalam persekitaran yang mencabar.

Namun, Tan Sri Azman menegaskan bahawa kejayaan mana-mana pelan strategik memerlukan ‘ubat yang pahit’. "Perancangan kita sudah banyak, itu bagus. Tetapi akhirnya, kita akan bertemu jalan mati kerana kita tidak menangani kemungkaran yang wujud dalam setiap sektor”, ujarnya.

Dalam pada itu, Tan Sri Azman juga menegaskan bahawa punca kekacauan dunia yang beliau berakar umbi daripada kemungkaran yang wujud dalam pelbagai sektor, termasuk korupsi, kartel, birokrasi, dan budaya ‘silo’. “Sudah tiba masanya kita berani melaksanakan ‘Nahi Mungkar’ iaitu mencegah kemungkaran”, pesan beliau. Beliau juga menegaskan bahawa untuk mengatasi krisis ini, negara dan individu perlu Membina Nilai Sebenar, Membina Melalui Nilai (*Build True Value, Build Through Values*).

Pada penghujung pembentangan beliau, Tan Sri Azman ada menegaskan bahawa keadilan (adil) dan kebaikan (ihsan) adalah prinsip ekonomi yang sebenar. Kewangan sepatutnya menyokong ekonomi sebenar, dan ekonomi sebenar sepatutnya melayani masyarakat yang adil.

Pendidikan Tinggi dalam Krisis Kehilangan Fungsi

Berfokuskan pendidikan tinggi, Profesor Geoffrey Williams pula memberikan kupasan kritikal tentang krisis kesahan, kewangan, dan kerelevanan dalam model universiti semasa. Beliau menjelaskan bahawa universiti, yang secara sejarah merupakan komuniti kecil sarjana yang berfokus pada ilmu, telah beralih fungsi sejak 1990-an.

Profesor Williams menggariskan bahawa model universiti telah beralih daripada komuniti sarjana kepada pusat latihan berorientasikan komersial. Beliau juga menyimpulkan bahawa model universiti tradisional berdepan risiko menjadi tidak berfungsi (*functionally dead)*, berdasarkan krisis semasa:

1. **Krisis Kesahan (*Legitimacy*):** Di Malaysia, hal ini dilihat melalui ranking yang lemah dan isu sijil-sijil yang tidak terakreditasi. Pada peringkat global, ia melibatkan persoalan terhadap kebergantungan dana persekutuan.
2. **Krisis Kewangan (*Financial*):** Sebanyak 55% universiti swasta Malaysia mengalami kerugian, dengan 64% dalam tekanan kewangan, menyebabkan trend pengambil alihan oleh syarikat asing (seperti syarikat China).
3. **Krisis Kerelevanan (*Relevancy*):** Universiti adalah tempat yang paling teruk untuk menyediakan graduan sedia industri. Gaji permulaan graduan kini hampir menyamai gaji minimum, menyebabkan ROI negatif (*negative return on investment*) untuk sekurang-kurangnya lapan tahun.

Justeru, beliau menyarankan agar universiti menumpukan semula kepada pendidikan akademik dan ilmu, kerana latihan kemahiran teknikal lebih berkesan dilakukan di tempat kerja. Beliau turut mencadangkan model Penswastaan Ahli Akademik (*Academics in Private Practice*) di mana ahli akademik menjadi profesional bebas, serta menggalakkan model Pendidikan Transnasional (TNE).

Sesi soal jawab: AI, Adab dan Idealism

Dalam sesi soal jawab, isu kegagalan pelaksanaan dasar akibat keengganan menangani kemungkaran (rasuah, kartel, birokrasi) telah disuarakan, dan Tan Sri Azman menegaskan sekali lagi 'Nahi Mungkar' mesti diutamakan sebelum 'Amar Ma'ruf' (menyeru kepada kebaikan).

Kemudian, persoalan mengenai AI yang telah mula menguasai pemikiran serta penjanaan kandungan, Profesor Williams dan Tan Sri Azman sepakat bersetuju bahawa AI hanyalah alat yang berkuasa dalam menjana kandungan, tetapi tidak memiliki konteks dan kebijaksanaan. Oleh itu, manusia mesti memanfaatkan daya saing kemanusiaan dan kecerdasan sebenar (*real intelligence*), bukan bergantung kepada AI sebagai pengganti.

Apabila persoalan mengenai penggunaan AI dalam pendidikan, yang sedikit sebanyak menjejaskan interaksi antara pendidik dan pelajar diutarakan, Tan Sri Azman menyarankan agar adab, yang merupakan hierarki nilai, mesti diterapkan dalam pembelajaran. Pelajar perlu dididik untuk menghayati nilai, dunia sebenar serta mengembalikan interaksi sesama manusia (*human touch*) yang semakin hilang akibat ditelan kecanggihan teknologi. Akhir sekali kedua-dua ahli panel menekankan bahawa nilai adab, iaitu melakukan sesuatu dengan cara yang betul, pada masa yang betul, dengan niat yang betul, adalah asas untuk menyalurkan idea-idea bernas untuk ekonomi dan pendidikan yang juga mampu memberi impak yang bermanfaat kepada masyarakat.

Dapatan Utama Sesi

- Punca utama kekacauan global dan ketidakstabilan ekonomi ialah kemerosotan moral, yang menjelma sebagai kemungkaran sistemik (seperti rasuah, kartel, dan birokrasi). Kemajuan sebenar memerlukan keutamaan diberikan kepada pencegahan kemungkaran ini ("Nahi Mungkar") serta membina semula masyarakat berlandaskan nilai-nilai teras seperti keadilan (adil) dan kebaikan (ihsan).
- Model universiti tradisional sedang menghadapi krisis yang teruk dan berisiko menjadi tidak berfungsi (*functionally dead*). Model ini telah hilang kerelevanan kerana menumpukan perhatian pada latihan komersial dan bukannya pengetahuan akademik, yang mengakibatkan pulangan pelaburan negatif (*negative return on investment*) bagi kebanyakan graduan yang berdepan dengan gaji permulaan yang rendah walaupun mempunyai kelayakan pendidikan.

Forum 7
Navigating the New World



Hall 1-5, PICC

Forum 7, in conjunction with the Festival of Ideas (FOI 2025), took place in Halls 1-5, PICC, Putrajaya, with the theme 'Navigating the New World'. The forum featured prominent figures from the world of economics and education, Tan Sri Azman bin Hj. Mokhtar, Chairman of the Board of Directors, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), and Professor Geoffrey Williams, Economist, Founder and Director of Williams Business Consultancy Sdn. Bhd., with Datuk Wira Dr. Rais Hussin Mohamed Ariff, President & CEO of EMIR Research, as the forum moderator. The forum featured two main sessions discussing global challenges: 'Navigating the Chaos of the New World: Three Ideas from Finance and Economics' from an economic and financial perspective, delivered by Tan Sri Azman bin Hj. Mokhtar, and from a higher education perspective titled 'The Future of Higher Education', delivered by Professor Geoffrey Williams.

Core Philosophy: The Chain of Justice and Three '-Nomics'

Tan Sri Azman began the discussion with a diagnosis of the symptoms of world chaos, including social conflict, geopolitical division, and conflict with the environment, which stem from fragile morals. Referring to Surah Ar-Rum, verse 41, he said that the corruption that has appeared on land and sea is from what the hands of humans have earned, yet the opportunity for repentance and restoration is always present.

Tan Sri Azman then highlighted three core ideas from the economic and financial sectors. The three core ideas are:

- **Khaldunomics:** Guided by Ibn Khaldun's cycle of justice, emphasizing that the well-being of the people is a prerequisite for the strength of the government. The key concepts of this core are Economic Development, the Cycle of Justice, and Moral Economy.
- **Tayyibonomics:** Calling for Islamic finance to move beyond mere halal compliance to fulfilling both halal and tayyib (wholesome) characteristics. The existing Halal system is comprehensive but insufficient to achieve the New curve.
- **Kancilnomics:** A strategy to survive and thrive in the era of returning great power rivalry. Nations need to be smart, agile, and united, as well as hold firm to the right principles, like the wisdom of the small Sang Kancil (mousedeer) surviving in a challenging environment.

However, Tan Sri Azman stressed that the success of any strategic plan requires 'bitter medicine'. "We have many plans, which is good. But in the end, we will meet a dead end because we do not address the wrongdoing that exists in every sector," he said.

In line with this, he also stressed that the root cause of the world chaos he highlighted is rooted in the wrongdoing present in various sectors, including corruption, cartels, bureaucracy, and 'silo' culture. "The time has come for us to be brave in implementing 'Nahi Mungkar', which is preventing wrongdoing," he advised. He also emphasized that to overcome this crisis, nations and individuals need to Build True Value, Build Through Values.

At the end of his presentation, Tan Sri Azman mentioned that justice (adil) and virtue (ihsan) are the true principles of economics. Finance should support the real economy, and the real economy should serve a just society.

Higher Education in a Crisis of Functional Loss

Focusing on higher education, Professor Geoffrey Williams provided a critical analysis of the legitimacy, financial, and relevancy crises within the current university model. He explained that universities, historically small communities of scholars focused on knowledge, have shifted their function since the 1990s.

Professor Williams outlined that the university model has shifted from a community of scholars to commercially-oriented training centers. He also concluded that the traditional university model faces the risk of becoming functionally dead, based on the current crises:

- **Legitimacy crisis:** In Malaysia, this is seen through weak rankings and issues with unaccredited certificates. Globally, it involves questions about the reliance on federal funds.
- **Financial crisis:** A total of 55% of Malaysian private universities are experiencing losses, with 64% under financial distress, leading to a trend of acquisitions by foreign companies (such as Chinese companies).
- **Relevancy crisis:** Universities are the worst places to prepare industry-ready graduates. The starting salary for graduates is now almost equal to the minimum wage, causing a negative return on investment (ROI) for at least eight years.

Therefore, he suggested that universities refocus on academic education and knowledge, as technical skills training is more effectively done in the workplace. He also proposed the 'Academics in Private Practice' model, where academics become independent professionals, and encouraged the Transnational Education (TNE) model.

Q&A Session: AI, Adab (Ethics), and Idealism

During the Q&A session, the issue of policy implementation failure due to a refusal to address wrongdoing (corruption, cartels, bureaucracy) was raised, and Tan Sri Azman reiterated that 'Nahi Mungkar' (preventing wrongdoing) must be prioritized before 'Amar Ma'ruf' (enjoining good).

Later, on the question of AI, which has begun to dominate thinking and content generation, Professor Williams and Tan Sri Azman unanimously agreed that AI is merely a powerful tool for generating content but lacks context and wisdom. Therefore, humans must leverage their competitive advantage of humanity and real intelligence, not depend on AI as a substitute.

When a question was raised about the use of AI in education, which somewhat affects the interaction between educators and students, Tan Sri Azman suggested that adab (ethics/propriety), which is a hierarchy of values, must be integrated into learning. Students need to be educated to appreciate values, the real world, and restore the 'human touch' that is increasingly being lost to sophisticated technology. Finally, both panelists emphasized that the value of adab—doing the right thing, at the right time, with the right intention—is the foundation for channelling sound ideas for the economy and education that can also provide a beneficial impact on society.

Key Session Takeaways

- The primary cause of global chaos and economic instability is a decay in morals, which manifests as systemic wrongdoing (like corruption, cartels, and bureaucracy). Real progress requires prioritizing the prevention of this wrongdoing ("Nahi Mungkar") and rebuilding society based on core values like justice (adil) and virtue (ihsan).
- The traditional university model is facing a severe crisis and risks becoming "functionally dead." It has lost relevance by focusing on commercial training instead of academic knowledge, resulting in a negative return on investment for many graduates who face low starting salaries despite their education.

Festival IDEA Putrajaya

Higher Education Institution-Industry Summit (HEIS) 2025

Sidang Selari 1

Dari Langit ke Angkasa: Mendorong Pembangunan Aeroangkasa Malaysia Melalui Inovasi dan Bakat

Dewan 7, PICC



Sesi Selari 1 HEIS (Hari Kedua HEIS), iaitu Forum Industri-Akademia Aeroangkasa telah diadakan pada 7 November 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Bertemakan 'Dari Angkasa Raya ke Angkasa Lepas: Memacu Pertumbuhan Aeroangkasa Malaysia Melalui Inovasi dan Bakat', sesi ini berfungsi sebagai dialog strategik untuk merangka masa depan sektor aeroangkasa Malaysia, melalui penyertaan pelbagai pemegang taruh sektor termasuk institusi pengajian tinggi, kerajaan, dan pemimpin industri.

Forum ini dipandu oleh Pemudah Cara Utama, Prof. Ir. Ts. Dr. Abd. Rahim Abu Talib (Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Universiti Putra Malaysia). Panel untuk sesi ini menampilkan tokoh-tokoh terkemuka termasuk Dato' Gs. Haji Azlikamil Napiah (Ketua Pengarah, Agensi Angkasa Malaysia, MYSA), Ts. Rushdi Abdul Rahim (Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia, MIGHT), Prof. Adjung Muhammad Nurazmi Abas (Ketua Pegawai Eksekutif, Pahang Aerospace Development City Berhad), Encik Ehab Zayed (Pengarah Perniagaan Antarabangsa, Kintsugi Holdings), dan Dato' Kamarul A Muhamed (Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Aerodyne).

Peralihan Fokus daripada Penyelenggaraan kepada Penciptaan

Cabaran utama yang dikenal pasti semasa forum ialah struktur semasa sektor aeroangkasa Malaysia. Ia sangat didominasi oleh Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (MRO), yang menyumbang 48% daripada industri, diikuti oleh pembuatan sebanyak 33%. Sebilangan kecil sahaja ditumpukan kepada kejuruteraan dan reka bentuk termaju.

Ahli panel menyatakan sasaran negara untuk mencapai pembahagian yang lebih seimbang menjelang 2030 dengan meningkatkan keupayaan reka bentuk dan pembuatan termaju.







Dapatan utama ialah jurang sedia ada antara kemahiran yang disediakan oleh universiti, terutamanya untuk lepasan pascasiswazah, dan jenis pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat tempatan. Konsensus yang dicapai ialah negara mesti beralih daripada hanya menjadi pengguna teknologi kepada menjadi pencipta teknologi.

Seruan untuk 'Penciptaan Bersama' yang Proaktif

Untuk merapatkan jurang antara keperluan industri dan hasil akademik, forum ini menekankan keperluan untuk ‘perkongsian penciptaan bersama’ (*co-creation partnerships*) yang sejati. Ahli panel berhujah bahawa universiti dan syarikat mesti bersama-sama merancang, membangun, dan melaksanakan projek dari peringkat awal lagi, bukannya bekerjasama hanya selepas penyelidikan selesai. Model ini melibatkan industri membawa masalah dunia sebenar ke universiti, manakala pihak akademia menyampaikan idea baharu dan membangunkan kemahiran pelajar yang mempunyai kaitan industri secara langsung.

Pemudah cara utama, Prof. Dr. Abd. Rahim Abu Talib, menyampaikan mesej yang tegas, menekankan bahawa penyelidik dan pensyarah universiti tidak boleh menunggu peluang datang kepada mereka. Sebaliknya, mereka mesti secara proaktif mencari rakan kongsi industri, ‘mempromosikan’ kepakaran mereka, dan menonjolkan diri mereka sebagai rakan usaha sama yang bernilai.

Bersiap Sedia untuk AI, Dron, dan Mobiliti Pintar

Perbincangan ini turut mengetengahkan cabaran dan peluang baharu. Telah dinyatakan bahawa kesediaan bakat kini mesti melangkaui kemahiran teknikal untuk merangkumi kebolehsuaian, keusahawanan, dan literasi AI.

Walaupun AI semakin penting, ahli panel menegaskan bahawa ia harus digunakan untuk menambah nilai, bukan untuk menggantikan pemikiran kritis dan keaslian manusia yang amat penting.

Tambahan pula, forum telah mengenal pasti bahawa rangka kerja kawal selia tidak seiring dengan kemajuan teknologi, terutamanya dalam sektor baharu seperti mobiliti pintar, koridor dron, dan ruang udara altitud rendah. Menangani cabaran kawal selia dan operasi ini melalui pembaharuan adalah penting untuk memacu kemajuan.

Dapatan Utama Sesi

- **Melabur dalam Reka Bentuk Tempatan:** Malaysia mesti melabur lebih banyak dalam keupayaan reka bentuk, penyelidikan, dan pembuatan tempatan untuk melangkaui pergantungan semasa kepada MRO dan perkhidmatan.
- **Menerapkan 'Penciptaan Bersama':** Universiti mesti secara proaktif "mempromosikan" diri mereka sebagai rakan kongsi penciptaan bersama, menyelaraskan penyelidikan dan kurikulum dengan keperluan industri sebenar dan bekerjasama dalam projek langsung dari peringkat awal.
- **Menangani Jurang Era Baharu:** Industri mesti menangani jurang kemahiran dengan memperkukuh kemahiran insaniah dan latihan digital, terutamanya dalam literasi AI, sambil memperbaharui peraturan untuk menyokong sektor baru muncul seperti dron dan mobiliti pintar.

Parallel Session 1

From Skies to Space: Driving Malaysia's Aerospace Growth Through Innovation and Talent

Hall 7, PICC



The HEIS Parallel Session 1 (of HEIS Day 2), which is the Aerospace Industry-Academia Forum was held on 7th November 2025 at the Putrajaya International Convention Centre (PICC). Themed 'From Skies to Space: Driving Malaysia's Aerospace Growth Through Innovation and Talent', the session served as a strategic dialogue to chart the future of Malaysian aerospace sector, through the participation of various stakeholders of the sector including higher education institutions, government, and industry leaders.

The forum was guided by the Lead Discussant, Prof. Ir. Ts. Dr. Abd. Rahim Abu Talib (Universiti Putra Malaysia's Deputy Vice Chancellor for Academic and International). The panel for this session featured prominent figures including Dato' Gs. Haji Azlikamil Napiah (Director General, Malaysian Space Agency, MYSA), Ts. Rushdi Abdul Rahim (President and Chief Executive Officer, Malaysian Industry Government Group FOR High Technology, MIGHT), Prof. Adjunct Muhammad Nurazmi Abas (Chief Executive Officer, Pahang Aerospace Development City Berhad), Mr. Ehab Zayed (Director of International Business, Kintsugi Holdings), and Dato' Kamarul A Muhamed (Founder and Chief Executive Officer, Aerodyne Group).

Shifting Focus from Maintenance to Creation

A key challenge identified during the forum is the current structure of Malaysia's aerospace sector. It is heavily dominated by Maintenance, Repair, and Overhaul (MRO), which accounts for 48% of the industry, followed by manufacturing at 33%. A very small proportion is dedicated to advanced engineering and design.

The panelists noted a national target to achieve a more balanced split by 2030 by increasing advanced design and manufacturing capabilities. A major finding was the existing gap between the skills universities provide, especially for postgraduates, and the types of jobs being







offered by local companies. The consensus was that the country must transition from being merely a technology user to becoming a technology creator.

A Call for Proactive 'Co-Creation'

To bridge the gap between industry needs and academic output, the forum emphasized the need for true "co-creation partnerships". Panelists argued that universities and companies must jointly plan, develop, and implement projects from the very beginning, rather than collaborating only after research is finished. This model involves industry bringing real-world problems to the university, while academia delivers new ideas and develops student skills with direct industrial relevance.

The lead discussant, Prof. Dr. Abd. Rahim Abu Talib, delivered a strong message, stressing that university researchers and lecturers must not wait for opportunities to come to them. Instead, they must proactively seek out industry partners, 'pitch' their expertise, and make themselves visible as valuable collaborators.

Gearing Up for AI, Drones, and Smart Mobility

The discussion also highlighted new challenges and opportunities. It was noted that talent readiness must now go beyond technical skills to include adaptability, entrepreneurship, and AI literacy. While AI is increasingly important, panelists stressed that it should be used to add value, not to replace essential human critical thinking and originality.

Furthermore, the forum identified that regulatory frameworks are not keeping pace with technological progress, particularly in new sectors like smart mobility, drone corridors, and low-altitude airspace. Addressing these regulatory and operational challenges through reform is crucial for driving progress.

Key Session Takeaways

- **Invest in Local Design:** Malaysia must invest more in local design, research, and manufacturing capabilities to move beyond its current reliance on MRO and services.
- **Embrace 'Co-Creation':** Universities must proactively "pitch" themselves as co-creation partners, aligning research and curriculum with real industry needs and collaborating on live projects from the start.
- **Address New-Age Gaps:** The industry must address skill gaps by strengthening soft skills and digital training, particularly in AI literacy, while reforming regulations to support emerging sectors like drones and smart mobility.

Sidang Selari 2

Memangkin Industri Kimia Malaysia ke Arah Inovasi & Kelestarian

Dewan 8, PICC



Forum Industri-Akademia Kimia telah diadakan pada 7 November 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) sebagai sebahagian daripada Sidang Kemuncak Institusi Pengajian Tinggi-Industri (HEIS) dan Festival of Ideas 2025 anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi. Sesi ini memberi tumpuan untuk mempercepat peralihan industri ke arah inovasi, penyahkarbonan, dan bahan kimia khusus (specialty chemicals), dengan tema 'Memangkin Industri Kimia Malaysia ke Arah Inovasi & Kelestarian'.

Ahli panel termasuk Ir. Mohamed Firouz Asnan (Presiden dan CEO, Universiti Teknologi PETRONAS, UTP), Encik Tan Aik Meam (Pengarah Urusan, BASF PETRONAS Chemicals Sdn. Bhd.), Dato' Muhtar Hashim (Pengarah Eksekutif, Majlis Industri Kimia Malaysia, CICM) dan Encik Hiroyuki Nishimoto (Pengarah Urusan, Kaneka Malaysia). Forum ini dikendalikan oleh Prof. ChM. Dr. Mohd Basyaruddin Abdul Rahman (Pengerusi Lembaga Pengelola ISTIC-UNESCO, Universiti Putra Malaysia).

'Koktel' untuk Daya Saing

Ahli panel mengenal pasti ramuan utama yang diperlukan untuk menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan melonjakkan kedudukan Malaysia dalam rantaian nilai. Encik Tan Aik Meam menyifatkan ini sebagai 'gabungan koktel' yang memerlukan tiga elemen utama: kestabilan dasar, infrastruktur fizikal dan digital yang mantap, serta bakat yang sangat produktif. Konsensus yang dicapai ialah Malaysia mesti menetapkan keutamaan yang jelas untuk menjadi 'pengeluar utama, bukan sekadar pembekal'.

Untuk mencapai matlamat ini, forum tersebut menekankan keperluan untuk memanfaatkan kelebihan sedia ada. Encik Hiroyuki Nishimoto menunjukkan kelebihan strategik Malaysia dalam minyak sawit sebagai sumber untuk pengeluaran biopolimer dan menekankan keperluan untuk mempertingkat (*scale*) pembuatan mampan. Ir. Mohamed Firouz Asnan menegaskan bahawa peranan akademia adalah untuk mempercepat peralihan ini melalui pendigitalan, AI, dan melahirkan graduan yang 'sedar pasaran, sedia masa hadapan'.

Tadbir Urus dan Penyahkarbonan sebagai Strategi Teras

Tema yang berulang ialah keadaan kawal selia industri kimia yang berpecah-pecah (*fragmented*). Dato' Muhtar Hashim menekankan keperluan mendesak untuk 'memperkemas urusan dalaman' (*putting our house in order*), dengan menyokong 'platform tadbir urus kimia bersepadu' dan badan kawal selia pusat. Pendekatan bersepadu ini dilihat penting untuk membina keyakinan pelabur dan memastikan tadbir urus bersepadu untuk keselamatan, pematuhan ESG, dan daya saing.

Selaras dengan tadbir urus, penyahkarbonan dikenal pasti sebagai strategi perniagaan utama, bukan lagi isu sampingan. Ahli panel berkongsi sasaran korporat, seperti matlamat Kaneka untuk pengurangan 70% gas rumah hijau (GHG) menjelang 2030 dan sasaran BASF untuk bahan mentah berasaskan bio. Forum ini menggesa dasar-dasar sokongan untuk mempertingkat projek penyahkarbonan seperti Penangkapan dan Penyimpanan Karbon (CCS/CCUS), dengan Ir. Mohamed Firouz Asnan menggariskan peranan UTP dalam penyelidikan CCS.

Merapatkan Jurang Ekosistem Akademia-Industri

Forum ini merumuskan bahawa 'simbiosis akademia-industri tidak boleh dirunding lagi' (non-negotiable). Ir. Mohamed Firouz Asnan menekankan bahawa universiti mesti berubah daripada 'menara gading' (*ivory towers*) untuk menjadi rakan kongsi bersepadu. Ini memerlukan penciptaan kurikulum bersama (seperti program kejuruteraan bersepadu UTP) dan pengendalian R&D pacuan pasaran untuk melahirkan graduan dengan kemahiran gunaan yang produktif.

'Jurang ekosistem' yang kritikal telah dikenal pasti, terutamanya ketiadaan hubung kait antara biologi dengan kejuruteraan kimia dalam pendidikan.

Semasa sesi Soal Jawab, ahli panel menyentuh mengenai kesediaan komersial teknologi biojisim-kepada-kimia. Mereka mengesahkan teknologi sedemikian wujud tetapi memerlukan keberkesanan kos, peningkatan skala (*scaling*), dan penciptaan permintaan pasaran untuk berdaya maju.

Turut dinyatakan bahawa walaupun kesedaran peringkat tinggi mengenai pelan hala tuju seperti CIR2030 dan NIMP 2030 wujud dalam kalangan pemimpin, kesedaran dalam kalangan masyarakat umum dan pelajar adalah rendah. Hal ini membawa kepada cadangan untuk kempen kesedaran kebangsaan.

Dapatan Utama Sesi

- **Tadbir Urus Bersepadu Diperlukan:** Halangan paling ketara industri bukanlah kekurangan teknologi tetapi kawal selia yang berpecah-pecah. Badan pentadbir pusat atau "platform kolaboratif kimia" amat diperlukan untuk menyatukan piawaian, pelaporan ESG, dan peraturan bagi meningkatkan keyakinan pelabur.
- **Peralihan kepada Bernilai Tinggi & Hijau:** Malaysia mesti beralih daripada pembekal kepada pengeluar utama. Ini memerlukan percepatan peralihan kepada bahan kimia khusus dan peningkatan skala teknologi hijau, disokong oleh insentif dasar untuk CCUS dan penggunaan bahan mentah berasaskan bio.
- **Menyelaraskan Akademia dengan Industri:** Universiti mesti berubah daripada "menara gading" dengan mewujudkan kurikulum bersama dan merombak rangka kerja pendidikan untuk menggabungkan kejuruteraan kimia dengan biologi, sains data, dan kemampanan bagi melahirkan graduan yang mampu menyelesaikan masalah.

Parallel Session 2

Catalysing Malaysia's Chemical Industry towards Innovation and Sustainability'

Hall 8, PICC



The Chemicals Industry-Academia Forum was held on 7 November 2025 at the Putrajaya International Convention Centre (PICC) as a part of the Higher Education Institution-Industry Summit (HEIS) and the Ministry of Higher Education's Festival of Ideas 2025. The session focused on accelerating the industry's shift toward innovation, decarbonization, and specialty chemicals, with the theme 'Catalysing Malaysia's Chemical Industry towards Innovation and Sustainability'.

Panelists include Ir. Mohamed Firouz Asnan (President and CEO, Universiti Teknologi PETRONAS, UTP), Mr. Tan Aik Meam (Managing Director, BASF PETRONAS Chemicals Sdn. Bhd.), Dato' Muhtar Hashim (Executive Director, Chemical Industries Council of Malaysia, CICM) and Mr. Hiroyuki Nishimoto (Managing Director, Kaneka Malaysia). The forum was moderated by Prof. ChM. Dr. Mohd Basyaruddin Abdul Rahman (Chair of the ISTIC-UNESCO Governing Board, Universiti Putra Malaysia).

The 'Cocktail' for Competitiveness

Panelists identified the key ingredients needed to attract Foreign Direct Investment (FDI) and move Malaysia up the value chain. Mr. Tan Aik Meam described this as a 'cocktail combination' requiring three key elements: policy stability, robust physical and digital infrastructure, and highly productive talent. The consensus was that Malaysia must set a clear priority to become a 'main producer, not just a supplier'.

To achieve this, the forum highlighted the need to leverage existing advantages. Mr. Hiroyuki Nishimoto pointed to Malaysia's strategic advantage in palm oil as a resource for biopolymer production and emphasized the need to scale sustainable manufacturing. Ir. Mohamed Firouz Asnan stressed that academia's role is to accelerate this shift through digitalisation, AI, and producing 'market-aware, future-ready' graduates.

Bridging the Academia-Industry Ecosystem Gap

The forum concluded that the 'academia-industry symbiosis is non-negotiable'. Ir. Mohamed Firouz Asnan emphasized that universities must evolve from 'ivory towers' to become integral partners. This requires co-creating curricula (like UTP's integrated engineering program) and conducting market-driven R&D to produce graduates with applied, productive skills.

A critical ‘ecosystem gap’ was identified, particularly the disconnect between biology and chemical engineering in education. During the Q&A, panelists addressed the commercial readiness of biomass-to-chemical technologies. They affirmed such technologies exist but require cost-effectiveness, scaling, and the creation of market demand to be viable.

It was also noted that while high-level awareness of roadmaps like CIR2030 and NIMP 2030 exists among leaders, awareness among the broader public and students is low. This led to recommendations for a national awareness campaign.

Key Session Takeaways

- **Unified Governance Needed:** The industry's most significant barrier is not a lack of technology but fragmented regulation. A central governing body or "chemical collaborative platform" is urgently needed to unify standards, ESG reporting, and regulations to boost investor confidence.
- **Shift to High-Value & Green:** Malaysia must transition from a supplier to a main producer. This requires accelerating the shift to specialty chemicals and scaling green technologies, supported by policy incentives for CCUS and the adoption of bio-based feedstocks.
- **Align Academia with Industry:** Universities must evolve from "ivory towers" by co-creating curricula and revamping educational frameworks to blend chemical engineering with biology, data science, and sustainability to produce problem-solving graduates.



Sidang Selari 3

Perkongsian Akademik Industri untuk Inovasi Mapan dalam Penjagaan Kesihatan dan Peranti Perubatan

Dewan 9, PICC

Forum Industri-Akademia Penjagaan Kesihatan dan Peranti Perubatan telah diadakan pada 7 November 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) sebagai salah satu tarikan Festival of Ideas (FOI) dan Sidang Kemuncak Institusi Pengajian Tinggi-Industri (HEIS). Bertemakan 'Perkongsian Akademik-Industri untuk Inovasi Lestari dalam Penjagaan Kesihatan dan Peranti Perubatan', sesi ini bertujuan untuk berkongsi idea dan peluang baharu melalui dialog, yang akan menyumbang dalam membentuk masa depan ekosistem penjagaan kesihatan negara.

Forum ini dikendalikan oleh Pemudah Cara Utama, Puan Idamazura binti Idris@Harun (Pengarah Kanan, Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, Kementerian Kesihatan). Panel pakar menampilkan Dato' Amir Firdaus Abdullah (Pengarah Urusan Kumpulan & Pengerusi, Aurelius Healthcare), Dato' Farshila Emran (Ketua Pegawai Eksekutif, Hanan Medicare), dan Dr. Raymond Choy Wai Mun (Pengasas & Ketua Pegawai Eksekutif, Heydoc Health).

Menginsankan Hospital Digital

Tema utama perbincangan ialah mengimbangi teknologi tinggi (*high-tech*) dengan sentuhan insan (*high-touch*). Dato' Amir Firdaus Abdullah mencabar tanggapan bahawa kecekapan semata-mata mencerminkan mutu penjagaan kesihatan. Beliau mengkritik 'sistem yang bersifat impersonal seperti nombor giliran' dan menekankan bahawa 'hubungan emosi adalah penting untuk penyembuhan'. Pandangan berpaksikan insan ini turut dizahirkan dalam perbincangan mengenai penerapan digital.

Dr. Raymond Choy memberi amaran bahawa 'inflasi tidak mampan dalam penjagaan kesihatan swasta', yang berada pada kadar 15-16%, telah memaksa golongan T20 dan M40 untuk kembali mendapatkan perkhidmatan awam. Ahli panel bersetuju bahawa pendigitalan, termasuk pengkomputeran awan dan diagnostik AI, adalah penting, namun mereka mengingatkan agar tidak bergantung kepadanya secara membuta tuli.

Mengenai ‘amanah dan keselamatan’, Dr. Choy menyatakan bahawa selaras dengan peningkatan konsultasi digital, sejumlah besar data sensitif dimuat naik ke awan. Beliau menegaskan bahawa keselamatan data ialah "tanggungjawab kolektif" bagi platform, penyedia perkhidmatan, dan pesakit untuk mengekalkan kepercayaan. Dalam nada yang sama, Dato’ Amir menyuarakan kebimbangan tentang kesediaan Malaysia untuk mengawal selia pembuatan keputusan pacuan AI dalam penjagaan kesihatan. Sementara itu, berkenaan ‘Literasi AI dan Aplikasinya dalam Industri dan Perkhidmatan Kesihatan’, Dr. Choy memberi amaran tentang prinsip "sampah masuk, sampah keluar" (*garbage in, garbage out*), dengan menyatakan bahawa walaupun Malaysia berada di kedudukan keempat dunia dalam penggunaan ChatGPT, pengguna memerlukan literasi digital yang lebih baik. Dato’ Farshila mengukuhkan perkara ini, dengan menyatakan AI harus ‘menyokong, bukan menggantikan kepakaran manusia’.

Daripada R&D kepada Penjanaan Pendapatan: Model Baharu untuk Universiti

Forum ini mengenal pasti jurang kritikal di mana penyelidikan akademik yang berpotensi sering terhenti di fasa R&D dan gagal menembusi pasaran kerana kekurangan pengkomersialan. Dato’ Farshila Emran memberikan penyelesaian yang meyakinkan melalui kajian kes perkongsian Hanan Medicare dengan UiTM.

Tapak rintis farmaseutikal universiti tersebut tidak mempunyai pensijilan Amalan Perkilangan Baik (GMP), sekali gus mengehadkan keupayaannya untuk mengkomersialkan produk. Hanan Medicare telah bekerjasama dengan UiTM untuk menaik taraf kemudahan, menjalankan R&D bagi produk bervolum kecil, dan mendaftarkannya dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (NPRA).

Menjelang 2026, tapak ini dijangka menerima pensijilan GMP, membolehkannya menjana pendapatan untuk universiti dan menyediakan latihan praktikal kepada pelajar.

Model ‘penciptaan bersama’ (*co-creation*) ini berfungsi kerana universiti boleh mengisi jurang pasaran dengan menghasilkan produk khusus (*niche*) bervolum kecil yang selalunya tidak dapat dihasilkan oleh industri besar secara cekap. Dato’ Farshila menyeru agar integrasi industri yang lebih mendalam dalam kehidupan akademik dilaksanakan, melangkaui latihan industri biasa kepada pendedahan harian dalam proses pembuatan dan kawal selia.

Satu Peringatan: Membina Daya Tahan Rantaian Bekalan Tempatan

Pandemik COVID-19 disebut sebagai pengajaran yang getir tentang kelemahan rantaian bekalan. Dato’ Farshila menceritakan cabaran getir yang dihadapi oleh Malaysia dalam mendapatkan peranti kritikal seperti ventilator. Beliau menyifatkan bagaimana negara terpaksa berhadapan dengan syarat yang ketat, tempoh pembayaran yang singkat, dan penghantaran yang tidak dapat dijangka daripada pembekal global yang sering mengutamakan negara lain, walaupun tempahan telah disahkan.

Beliau membuat gesaan segera agar Malaysia membina kapasiti pembuatan domestik, walaupun ia bermula dengan pemasangan separa (50-80%). Ini, tegas beliau, adalah penting untuk kesiapsiagaan dan "kedaulatan dalam kecemasan kesihatan masa hadapan".

Ahli panel menggesa para inovator untuk bergerak melangkaui produk bermargin rendah dan tepu (seperti picagari) dan sebaliknya mengusahakan teknologi bernilai tinggi dan kompleks seperti mesin dialisis melalui pemindahan teknologi.



Ini memerlukan kredibiliti melalui kelulusan kawal selia (MDA, SIRIM, penandaan CE) dan pengesahan melalui piawaian antarabangsa (JCI, ISO), yang mana Dato Amir nyatakan amat diperlukan oleh hospital untuk mengurangkan risiko klinikal.

Dapatan Utama Sesi

- **Teknologi dan data sebagai tulang belakang transformasi penjagaan kesihatan:** Ini ialah tema utama yang dikenal pasti sebagai infrastruktur penting untuk penjagaan kesihatan moden. Ahli panel menekankan bahawa pendigitalan, termasuk pengkomputeran awan dan sistem maklumat hospital yang boleh saling kendali (*interoperable*), adalah perlu untuk mewujudkan pengalaman pesakit yang konsisten. Selain kecekapan, data adalah penting untuk penjagaan pencegahan, dengan contoh seperti menggunakan analisis jangkaan (*predictive analytics*) dan saringan genom untuk perancangan kesihatan peringkat populasi. Walau bagaimanapun, 'tulang belakang' ini memerlukan kepercayaan; apabila telekesihatan dan diagnostik AI menjadi lazim, ahli panel memberi amaran bahawa keselamatan data ialah 'tanggungjawab kolektif'0 untuk mengekalkan keyakinan pengguna. Mereka juga menegaskan bahawa AI ialah alat yang memerlukan kepakaran manusia untuk mengelakkan perangkap "sampah masuk, sampah keluar".
- **Kolaborasi antara akademia dan industri ialah jambatan yang menjadikan inovasi mampan:** Forum ini berulang kali mengenal pasti "lembah kematian" (*valley of death*) di mana penyelidikan akademik yang berpotensi terhenti sebelum menembusi pasaran. Penyelesaian yang dibentangkan ialah model baharu "penciptaan bersama" (*co-creation*). Contoh utama ialah perkongsian Hanan Medicare dengan UiTM, yang membantu tapak rintis farmaseutikalnya mendapatkan pensijilan GMP. Model ini mewujudkan ekosistem yang mampan: universiti mengisi pasaran khusus (*niche*) dengan menghasilkan produk bervolum kecil yang tidak cekap untuk industri besar, sambil menjana pendapatan dan menyediakan pelajar dengan pengalaman komersial secara langsung (*hands-on*) yang tidak ternilai. Pendekatan ini memperkasakan akademia untuk melahirkan "penyumbang yang berdaya maju secara komersial" dan merapatkan jurang antara R&D dengan aplikasi dunia sebenar.
- **Daya tahan dalam penjagaan kesihatan bermula dengan kepimpinan kolektif, iltizam dan visi:** Dapatan ini menyentuh elemen manusia dan strategik yang diperlukan untuk memacu perubahan. Pandemik COVID-19 menjadi rujukan utama, yang mendedahkan jurang kritikal seperti kekurangan bilik tekanan negatif dan kebergantungan berlebihan yang berbahaya kepada rantaian bekalan global yang tidak menentu untuk barangan penting seperti ventilator. Ahli panel berhujah bahawa daya tahan yang sejati memerlukan visi kolektif untuk membina kapasiti pembuatan domestik dan "kedaulatan dalam kecemasan kesihatan masa hadapan". Visi ini mestilah "didorong oleh iltizam", berpaksikan insan, dan tertumpu pada reka bentuk yang mengutamakan pesakit, bukan hanya teknologi. Ia memerlukan kepimpinan yang berani untuk melabur dalam inovasi tempatan dan bergerak melangkaui R&D sahaja kepada pengkomersialan berskala penuh.



Parallel Session 3

Academic-Industry Partnership for Sustainable Innovation in Healthcare and Medical Devices

Hall 9, PICC

The Healthcare and Medical Devices Industry-Academia Forum was held on 7 November 2025 at the Putrajaya International Convention Centre (PICC) as one of the attractions of the Festival of Ideas (FOI) and the Higher Education Institutions-Industry Summit (HEIS). Themed 'Academic-Industry Partnership for Sustainable Innovation in Healthcare and Medical Devices', the session aimed to share new ideas and opportunities through a dialogue, that shall contribute is shaping the future of the nation's healthcare ecosystem.

The forum was moderated by Lead Discussant Pn Idamazura binti Idris@Harun (Senior Director, Medical Device Authority, Ministry of Health). The expert panel featured Dato' Amir Firdaus Abdullah (Group Managing Director & Chairman, Aurelius Healthcare), Dato' Farshila Emran (Chief Executive Officer, Hanan Medicare), and Dr. Raymond Choy Wai Mun (Founder & Chief Executive Officer, Heydoc Health).

Humanizing the Digital Hospital

A primary theme was balancing high-tech with high-touch care. Dato' Amir Firdaus Abdullah challenged the notion that efficiency alone defines good healthcare. He criticized 'depersonalized systems like queue numbers' and emphasized that an 'emotional connection as essential to healing'. This human-centric view was echoed in the discussion on digital adoption. Dr. Raymond Choy warned that 'unsustainable inflation in private healthcare', running at 15-16%, is forcing even T20 and M40 groups to return to public services. Panelists agreed that digitalization, including cloud computing and AI diagnostics, is essential, but they cautioned against blind reliance.

Regarding 'trust and security' Dr. Choy noted that as digital consultations rise, vast amounts of sensitive data are uploaded to the cloud. He stressed that data security is a "collective duty" for platforms, providers, and patients to maintain trust. On a similar note, Dato' Amir raised concerns about Malaysia's readiness to regulate AI-driven decision-making in healthcare.

Meanwhile, as for ‘AI Literacy and its Application in Health Industry and Services’ Dr. Choy warned of the "garbage in, garbage out" principle, noting that while Malaysia ranks fourth globally in ChatGPT usage, users need better digital literacy. Dato’ Farshila reinforced this, stating AI should ‘support, not replace human expertise’.

From R&D to Revenue: A New Model for Universities

The forum identified a critical gap where promising academic research stalls at the R&D phase and fails to reach the market due to a lack of commercialization. Dato’ Farshila Emran provided a compelling solution through a case study of Hanan Medicare's partnership with UiTM.

The university's pilot pharmaceutical site lacked GMP certification, limiting its ability to commercialize products. Hanan Medicare partnered with UiTM to upgrade facilities, conduct R&D for small-volume products, and register them with the NPRA. By 2026, the site is expected to be GMP-certified, enabling it to generate revenue for the university and provide hands-on training for students.

This ‘co-creation’ model works because universities can fill a market gap by producing niche, small-volume products that large industries often lack the capacity to produce efficiently. Dato’ Farshila called for deeper integration of industry into academic life, moving beyond simple internships to daily exposure in manufacturing and regulatory processes.

A Wake-Up Call: Building Local Supply Chain Resilience

The COVID-19 pandemic was cited as a harsh lesson in supply chain vulnerability. Dato’ Farshila recounted the severe challenges Malaysia faced in sourcing critical devices like ventilators. She described facing rigid terms, short payment windows, and unpredictable deliveries from global suppliers who often favoured other countries, even after orders were confirmed.

She made an urgent call for Malaysia to build domestic manufacturing capacity, even if it begins with partial assembly (50-80%). This, she argued, is essential for preparedness and "sovereignty in future health emergencies".

The panel urged innovators to move beyond low-margin, oversaturated products (like syringes) and pursue high-value, complex technologies like dialysis machines through technology transfer. This requires credibility through regulatory approval (MDA, SIRIM, CE marking) and validation through international standards (JCI, ISO), which Dato’ Amir noted hospitals rely on to reduce clinical risk.



Key Session Takeaways

- **Technology and data as the backbone of healthcare transformation:** This was a central theme, identified as the essential infrastructure for modern healthcare. Panelists highlighted that digitalization, including cloud computing and interoperable hospital information systems, is necessary for creating consistent patient experiences. Beyond efficiency, data is crucial for preventative care, with examples like using predictive analytics and genome screening for population-level health planning. However, this ‘backbone’ requires trust; as telehealth and AI diagnostics become common, panelists warned that data security is a "collective duty" to maintain user confidence. They also stressed that AI is a tool that requires human expertise to avoid the ‘garbage in, garbage out" pitfall.
- **Collaboration between academia and industry is the bridge that makes innovation sustainable:** The forum repeatedly identified a ‘valley of death’ where promising academic research stalls before reaching the market. The solution presented was a new model of "co-creation." A key example was Hanan Medicare's partnership with UiTM, helping its pilot pharmaceutical site achieve GMP certification. This model creates a sustainable ecosystem: the university fills a niche by producing small-volume products inefficient for large industry , while simultaneously generating revenue and providing students with invaluable hands-on commercial experience. This approach empowers academia to produce "commercially viable contributors" and bridges the gap from R&D to real-world application.
- **Resilience in healthcare begins with collective leadership, passion and vision:** This takeaway addresses the human and strategic elements needed to drive change. The COVID-19 pandemic was a major reference point, exposing critical gaps like a lack of negative pressure rooms and a dangerous over-reliance on volatile global supply chains for essential items like ventilators. Panelists argued that true resilience requires a collective vision to build domestic manufacturing capacity and "sovereignty in future health emergencies". This vision must be "passion-driven" , human-centric, and focused on patient-centered design, not just technology. It requires bold leadership to invest in local innovation and move beyond just R&D to full-scale commercialization.



Sidang Selari 4

Inovasi Sosial: Pemerkasaan Komuniti melalui Penyelesaian Teknologi yang Dicipta Bersama

Dewan 9, PICC

Forum Selari HEIS Sesi 4 yang diadakan pada 7 November 2025 bertemakan 'Inovasi Sosial: Pemerkasaan Komuniti melalui Penyelesaian Teknologi yang Dicipta Bersama' merupakan salah satu komponen utama dalam program Higher Education Institutions Industry Summit (HEIS) yang menekankan peranan institusi pendidikan tinggi dalam memperkukuh hubungan strategik bersama industri dan komuniti. Forum ini menumpukan kepada konsep inovasi sosial sebagai pemangkin kepada pembangunan komuniti, dengan menonjolkan bagaimana pendekatan teknologi, apabila digabungkan dengan empati sosial dan kolaborasi pelbagai pihak, mampu menghasilkan penyelesaian yang relevan, lestari dan berimpak tinggi.

Penganjuran forum ini turut menjadi platform penting untuk membincangkan cabaran sebenar komuniti, di samping mengetengahkan contoh kejayaan projek inovasi sosial di lapangan oleh agensi, syarikat dan organisasi sosial.

Melalui sesi perbincangan bersama panel berpengalaman daripada pelbagai sektor, forum ini memberi tumpuan kepada penciptaan bersama (*co-creation*) antara komuniti, akademia, industri dan kerajaan bagi membangunkan penyelesaian inovatif yang mampu memperkasakan komuniti dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Sesi ini dipandu oleh Pemudah Cara Utama, Professor Dr. Wan Ahmad Amir Zal Bin Wan Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Ahli-ahli panel bagi sesi ini adalah individu pakar, iaitu Puan Nur Fadzlina Mahamad Razi (Timbalan Pengerusi, Yayasan Inovasi Malaysia, YIM), Ts. Anwarudin Saidu Mohamed (Pengerusi, *Society of Petroleum Engineers*, Seksyen Kuala Lumpur), Puan Aidona Jun Ayub (Ketua Program, Social Enterprise Education Lab, SEEd.Lab, Petronas), Encik Ezri Nor Syafren Hussen (Pengasas dan Pengarah, AnEco) dan Puan Malathi Sangaran (Eksekutif Kanan Program, *Pepper Labs*).

Tema Terkini Inovasi Sosial

Forum ini memperlihatkan sinergi antara sektor awam, swasta dan masyarakat sivil dalam memperkukuh inovasi sosial negara. Beberapa tema penting dikenal pasti termasuk 'Inovasi Sosial sebagai Alat Pemerkasaan Komuniti'. YIM dan SEEd.Lab menekankan pentingnya melatih masyarakat agar kreatif dan mampu menyelesaikan masalah sendiri melalui inovasi berimpak sosial. Selain itu, tema 'Peranan Nilai Kemanusiaan dalam Pembangunan Sosial' juga mendapat perhatian, terutamanya daripada Ts. Anwarudin dan Puan Malathi Sangaran yang sama-sama menyatakan betapa pentingnya usaha untuk menyerlahkan dimensi kemanusiaan dalam inovasi sosial, untuk membantu golongan rentan, membina empati dan menyemai semangat kesukarelawanan dalam kalangan bakat yang mengambil bahagian dalam inisiatif berkaitan. Penekanan tema 'Inovasi Alam Sekitar & Ekonomi Lestari' sememangnya tidak mengejutkan dengan keperluan masa kini dan telah disentuh oleh Encik Ezri Nor Syafren Hussen dengan pengalaman beliau bersama AnEco dalam inisiatif memperkenalkan pendekatan baharu dalam menangani pencemaran sungai dan memajukan ekonomi sirkular melalui produk hijau dan *upcycling*.

Satu lagi tema yang mendpaat sambutan ialah 'Kolaborasi Rentas Sektor' yang sedikit sebanyak telah disentuh oleh semua ahli panel; mereka bersetuju bahawa keberkesanan inovasi sosial bergantung kepada jaringan kerjasama antara universiti, agensi kerajaan, industri, NGO dan komuniti setempat.

Melangkah ke Hadapan dengan Inovasi Sosial

Antara cadangan bagi sesi forum ini ialah berkaitan penubuhan Jaringan Kolaboratif Inovasi Sosial (*UMK-Social Innovation Network*) sebagai platform rasmi untuk penyelidikan, pelaksanaan projek komuniti dan perkongsian amalan terbaik dalam inovasi sosial. Selain itu, dicadangkan pembangunan modul latihan inovasi sosial bagi pelajar dan komuniti untuk membina kemahiran reka cipta, komunikasi sosial serta empati komuniti.

Seterusnya, program inkubasi inovasi sosial wajar dilaksanakan bagi mengembangkan idea komuniti menjadi produk atau perkhidmatan lestari dengan bimbingan mentor industri. Cadangan lain adalah bagi menambah elemen ESG dan SDG diterapkan dalam semua projek kolaboratif dengan menetapkan penunjuk impak sosial dan alam sekitar yang boleh diukur bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian setiap inisiatif.

Dalam masa yang sama, terdapat beberapa faktor kejayaan inovasi sosial yang telah dikenal pasti daripada perkongsian ahli-ahli panel. Di antaranya, projek inovasi sosial yang berjaya biasanya akan menunjukkan keseimbangan antara kemajuan teknologi, nilai kemanusiaan dan kelestarian alam sekitar. Tambahan pula, kolaborasi berterusan dengan keamatan program yang bersesuaian juga membuahkan hasil yang lebih baik; kolaborasi antara pelbagai pihak perlu dijadikan amalan berterusan bagi menjamin impak jangka panjang.

Selain itu, dalam mengenal pasti dan mendapatkan kepercayaan masyarakat setempat unutk pelaksanaan inovasi sosial pada skala yang berimpak kepada komuniti, penglibatan dan peranan universiti sebagai pemangkin idea dan fasilitator pembangunan sosial didapati semakin penting.





Sebagai juara inovasi sosial unutk masyarakat, universiti perlu cakna bahawa inovasi sosial bukan sahaja meningkatkan taraf ekonomi tetapi juga memperkukuh daya tahan dan jati diri komuniti, sebagai agen perubahan kepada individu dan masyarakat bagi melahirkan warga yang berupaya beradaptasi, berinovasi dan bermotivasi untuk mengenal pasti peluang sebagai potensi kejayaan.

Program Forum Inovasi Sosial ini dianjurkan sebagai platform perkongsian ilmu, pengalaman dan amalan terbaik dalam memperkukuh ekosistem inovasi sosial di Malaysia. Forum ini menghimpunkan pelbagai pihak termasuk wakil agensi kerajaan, industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), akademia serta komuniti bagi membincangkan peranan inovasi sosial dalam menangani isu-isu masyarakat dan memacu pembangunan lestari. Dengan pengisian menarik daripada panel berpengalaman serta pendekatan dwi bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris), forum ini berjaya menarik penyertaan peserta tempatan dan antarabangsa yang berminat terhadap pembangunan sosial berimpak tinggi.

Dapatan Utama Sesi

- **Kolaborasi Rentas Sektor adalah Kunci Kejayaan:** Keberkesanan dan kelestarian inovasi sosial amat bergantung pada 'penciptaan bersama' (*co-creation*) dan jaringan kerjasama yang erat antara pelbagai pihak, termasuk universiti, agensi kerajaan, industri, NGO, dan komuniti setempat.
- **Inovasi Mesti Mengimbangi Teknologi dan Kemanusiaan:** Projek inovasi sosial yang berjaya perlu menunjukkan keseimbangan antara kemajuan teknologi, penerapan nilai kemanusiaan (seperti empati dan kesukarelawanan), dan kelestarian alam sekitar (seperti ekonomi sirkular).
- **Universiti sebagai Pemangkin Pembangunan Komuniti:** Universiti memainkan peranan yang semakin penting sebagai pemangkin idea dan fasilitator dalam pembangunan sosial. Inovasi sosial yang dipacu bukan sahaja bertujuan meningkatkan taraf ekonomi, tetapi juga memperkukuh daya tahan dan jati diri komuniti.



Parallel Session 4

Social Innovation: Community Empowerment through Co-Created Technological Solutions'

Dewan 9, PICC

The HEIS Parallel Session 4, held on 7 November 2025 with the theme 'Social Innovation: Community Empowerment through Co-Created Technological Solutions', was one of the main components of the Higher Education Institutions Industry Summit (HEIS) programme, which emphasizes the role of higher education institutions in strengthening strategic relationships with industry and the community. This forum focused on the concept of social innovation as a catalyst for community development, highlighting how technological approaches, when combined with social empathy and multi-stakeholder collaboration, can produce relevant, sustainable, and high-impact solutions.

The organisation of this forum also served as an important platform to discuss the real challenges of communities, while showcasing successful examples of on-the-ground social innovation projects by agencies, companies, and social organisations.

Through discussion sessions with experienced panelists from various sectors, this forum focused on co-creation among the community, academia, industry, and government to develop innovative solutions capable of empowering communities economically, socially, and environmentally.

This session was guided by the Lead Discussant, Professor Dr. Wan Ahmad Amir Zal Bin Wan Ismail, Deputy Vice-Chancellor (Research & Innovation), Universiti Malaysia Kelantan (UMK). The panelists for this session were expert individuals, namely Puan Nur Fadzlina Mahamad Razi (Deputy Chairperson, Yayasan Inovasi Malaysia, YIM), Ts. Anwarudin Saidu Mohamed (Chairperson, Society of Petroleum Engineers, Kuala Lumpur Section), Puan Aidona Jun Ayub (Head of Programme, Social Enterprise Education Lab, SEEd.Lab, Petronas), Encik Ezri Nor Syafren Hussen (Founder and Director, AnEco), and Puan Malathi Sangaran (Senior Programme Executive, Pepper Labs).

Current Themes in Social Innovation

This forum demonstrated the synergy between the public, private, and civil society sectors in strengthening the nation's social innovation. Several important themes were identified, including 'Social Innovation as a Tool for Community Empowerment'. YIM and SEEd.Lab emphasized the importance of training communities to be creative and capable of solving their own problems through social impact innovation.

Additionally, the theme 'The Role of Human Values in Social Development' also received attention, especially from Ts. Anwarudin and Puan Malathi Sangaran, who both stated the importance of efforts to highlight the human dimension in social innovation, to assist vulnerable groups, build empathy, and instil a spirit of volunteerism among talents participating in related initiatives.

The emphasis on the theme 'Environmental Innovation & Sustainable Economy' was not surprising given current needs and was touched upon by Encik Ezri Nor Syafren Hussen with his experience at AnEco in initiatives introducing new approaches to tackling river pollution and advancing the circular economy through green products and upcycling. Another theme that was well-received was 'Cross-Sector Collaboration', which was touched upon by all panelists; they agreed that the effectiveness of social innovation depends on the collaborative network between universities, government agencies, industry, NGOs, and the local community.

Moving Forward with Social Innovation

Among the proposals from this forum session was the establishment of a Social Innovation Collaborative Network (UMK-Social Innovation Network) as an official platform for research, implementation of community projects, and sharing of best practices in social innovation. Additionally, the development of social innovation training modules for students and communities was proposed to build skills in co-creation, social communication, and community empathy. Next, social innovation incubation programmes should be implemented to develop community ideas into sustainable products or services with guidance from industry mentors. Another proposal was for ESG and SDG elements to be applied in all collaborative projects by setting measurable social and environmental impact indicators to ensure the effectiveness and sustainability of each initiative.

At the same time, several success factors for social innovation were identified from the panelists' sharing. Among them, successful social innovation projects usually demonstrate a balance between technological advancement, human values, and environmental sustainability. Furthermore, continuous collaboration with appropriate programme intensity also yields better results; multi-stakeholder collaboration needs to be a continuous practice to guarantee long-term impact.

Moreover, in identifying and gaining the trust of the local community for the implementation of social innovation at a scale that impacts the community, the involvement and role of universities as idea catalysts and facilitators of social development are found to be increasingly important.





As champions of social innovation for society, universities need to be aware that social innovation not only improves economic standards but also strengthens community resilience and identity, acting as an agent of change for individuals and society to produce citizens who are capable of adapting, innovating, and motivated to identify opportunities as potential for success.

This Social Innovation Forum programme was organised as a platform for sharing knowledge, experience, and best practices in strengthening the social innovation ecosystem in Malaysia. This forum brought together various parties including representatives from government agencies, industry, non-governmental organisations (NGOs), academia, and the community to discuss the role of social innovation in tackling societal issues and driving sustainable development. With interesting content from experienced panelists and a bilingual approach (Bahasa Melayu and English), the forum successfully attracted participation from local and international attendees interested in high-impact social development.

Key Session Takeaways

- **Cross-Sector Collaboration is Key to Success:** The effectiveness and sustainability of social innovation are highly dependent on 'co-creation' and close collaborative networks among various parties, including universities, government agencies, industry, NGOs, and the local community.
- **Innovation Must Balance Technology and Humanity:** Successful social innovation projects must demonstrate a balance between technological advancement, the application of human values (such as empathy and volunteerism), and environmental sustainability (such as the circular economy).
- **Universities as Catalysts for Community Development:** Universities play an increasingly important role as idea catalysts and facilitators in social development. Driven social innovation aims not only to improve economic standards but also to strengthen community resilience and identity.
-


KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Festival
IDEA
Putrajaya


ASEAN
MALAYSIA 2025
KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN


MALAYSIA
MADANI
daya cipta


Visit
Malaysia 2026
Truly Asia

MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

Festival IDEA Putrajaya